

LAPORAN
TAHUNAN
2016

MEMACU KE ARAH PERTUMBUHAN STRATEGIK



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

Laporan Tahunan 2016

KANDUNGAN

01

MENUNJANGI AGENDA PELABURAN NEGARA

MIDA sentiasa menerajui dalam usaha menarik pelaburan yang berkualiti tinggi yang mampan untuk mengukuhkan momentum pertumbuhan ekonomi negara

02

MEMACU KE ARAH PERTUMBUHAN STRATEGIK

Tan Sri Amirsham A. Aziz, Pengurus MIDA menilai kepelbagaian ekonomi dan asas yang kukuh di Malaysia serta peluang untuk pertumbuhan strategik demi kemakmuran negara

03

INISIATIF BERFOKUS

Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA menegaskan kepentingan pendekatan yang bersasaran untuk meningkatkan produktiviti dengan mempertingkatkan modal insan, menerapkan teknologi baharu, dan meningkatkan automasi untuk menyokong peralihan Malaysia kepada sebuah negara berpendapatan tinggi yang dimatlamatkan oleh kerajaan menjelang 2020

04

PENGURUSAN

Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Dan Carta Organisasi MIDA pada tahun 2016

05

MENEMPA JEJAK TANDA

MIDA adalah agensi unggul Malaysia yang berusaha untuk menarik minat pelabur bagi merealisasikan agenda pembangunan ekonomi negara

06

MALAYSIA MENGINTAI KEGEMILANGAN

Sektor perkhidmatan kekal sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2016

07

MELAKAR PENCAPAIAN SETERUSNYA

Projek-projek pengembangan dan pembelagaian pada 2016 membuka jalan untuk melonjakkan lagi daya tarikan sektor perkilangan di Malaysia

08

MELONJAKKAN MALAYSIA

MIDA terus ke hadapan dalam persaingan ke arah mendapatkan pelaburan baharu dan pelaburan semula

09

PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

10

LAMPIRAN

Sepanjang 2016, MIDA secara aktif mempromosikan agenda pelaburan negara, di dalam dan di luar negara

11

TEMUI MIDA

Alamat ibu pejabat, pejabat-pejabat MIDA di dalam dan di luar negara

01 MENUNJANGI AGENDA PELABURAN NEGARA

MIDA sentiasa menerajui dalam usaha menarik pelaburan yang berkualiti tinggi yang mampan untuk mengukuhkan momentum pertumbuhan ekonomi negara

459,56

0,05

0,09

34,4

32,55

153,8

235

16,9

9512

1,75

65,01

789

563,2

123,25

333,44

33,2

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

753,66

3698

684,37

36,99

753,25

489,56

978,45

0,01

333,44

45692,55

763,33

546,1

0,01

369,85

</div

01

Pengenalan

Selama lima dekad, **MIDA** telah menggalas peranan selaku agensi terunggul yang menunjangi aktiviti pelaburan di Malaysia. Biarpun berdepan dengan persaingan global yang sengit, **MIDA** sentiasa mempamerkan iltizam yang tinggi demi meraih modal pelaburan dan membangunkan ekonomi dan sosial negara menerusi usaha terfokus yang menyasarkan peningkatan kecekapan, produktiviti dan daya saing. Serentak dengan itu, **MIDA** terus memastikan kelangsungan transformasi negara menelusuri fasa-fasa penting dalam pembangunan industri di Malaysia.

Dalam keadaan ketidakpastian global yang kian mencabar, kelebihan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang kompetitif langsung tidak tergugat. Laporan tahunan *Global Competitiveness Report 2016/2017* yang diterbitkan oleh *World Economic Forum* mengekalkan tahap tinggi daya saing Malaysia dengan meletakkan negara di kedudukan ke-25 daripada 138 negara di dunia. Meskipun turun tujuh anak tangga berbanding dengan kedudukan ke-18 yang diraih pada tahun 2015, Malaysia mengekalkan kedudukan teratas dalam kalangan negara-negara Asia lain yang sedang membangun. Hal yang demikian ini memperlihatkan betapa Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan berjaya mengangkat tahap efisiensi dan kompetitif negara.

Dalam perkembangan yang lain, laporan Bank Dunia dalam *Ease of Doing Business 2017* mencatatkan bahawa Malaysia menduduki tangga ke-23 sebagai negara berstatus mesra niaga dalam senarai 190 buah ekonomi di dunia, sekali gus mengatasi Perancis, Switzerland dan Jepun. Walaupun kedudukan Malaysia tergelincir satu anak tangga berbanding kedudukan ke-22 yang diperoleh pada tahun 2016, Malaysia berjaya menduduki tempat kedua di ASEAN selepas Singapura. Penambahbaikan ketara telah dicatatkan dalam tiga aspek, iaitu perlindungan bagi pelabur minoriti, sokongan kredit (susulan pewujudan biro-biro kredit yang menyediakan skor kredit untuk pengguna) serta kemudahan perkhidmatan dalam talian untuk urusan pembayaran cukai bagi pendaftaran fail dan bayaran GST.

Di samping itu, Malaysia turut menonjolkan kehebatannya apabila meraih kedudukan ke-10 dan berjaya mengatasi Hong Kong dan Singapura dalam dapatan UNCTAD yang melakukan penilaian ke atas ekonomi negara-negara tuan rumah terbaik dari

segi prospek pelaburan global (*Global Investment Prospects Assessment*) dan lokasi Pelaburan Langsung Asing (FDI) bagi tempoh 2016-2018. Sementara itu, usaha berterusan Malaysia untuk mempelbagaikan sumber industri – memacu kegiatan ekonomi daripada berintensif buruh kepada aktiviti bernilai tinggi dan berintensif teknologi – kini telah membawa hasil. Hal ini dikatakan demikian berdasarkan *Innovation Index 2016* yang diterbitkan oleh Bloomberg bagi mengukur kedudukan 50 buah ekonomi paling inovatif di dunia. Malaysia bukan setakat mencatatkan kedudukan ke-25, bahkan muncul satu-satunya negara Asia Tenggara yang tersenarai selain Singapura.

Dengan berlatarkan gabungan pelbagai faktor, antaranya, lokasi Malaysia di tengah-tengah rantau ASEAN, takungan modal insan yang mantap, ekosistem perniagaan yang moden, infrastruktur dan kesalihubungan bertaraf antarabangsa, penawaran kos serta pakej insentif yang kompetitif, kesemuanya mengukuhkan lagi daya tarikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau, khususnya dalam kalangan syarikat multinasional (MNC) dan para pelabur. Malah, dalam laporan Bank Dunia bertajuk *Commission on Growth and Development Growth*, Malaysia tersenarai sebagai salah satu daripada 13 negara yang berjaya mengekalkan pertumbuhan purata lebih tujuh peratus setiap setahun untuk tempoh minimum 25 tahun.

Sementara itu, pendapatan per kapita Malaysia terus berkembang lebih 25 kali ganda kepada AS\$10,796 (pada tahun 2014) berbanding AS\$402 (pada tahun 1970). Oleh itu, Malaysia berada pada landasan yang kukuh untuk merealisasikan aspirasi Kerajaan dan melepassi sasaran paras pendapatan per kapita ekonomi berpendapatan tinggi yakni AS\$15,000 menjelang tahun 2020, sekali gus menyertai status ekonomi negara maju.

Menyerlahkan Potensi Produktiviti

Setiap usaha yang disalurkan demi memastikan pembangunan ekonomi Malaysia haruslah sejajar dengan dasar dan agenda negara. Dalam hal ini, MIDA menggembung sehabis tenaga dan menggabung seluruh usaha untuk menarik projek-projek berkualiti, berteknologi tinggi dan berteraskan inovasi yang menjurus ke arah memperteguh ekosistem pelaburan dan dapat merancakkan momentum pertumbuhan negara secara mampan dan inklusif. Berlatarkan dasar pengurusan fiskal berhemat yang diperkenalkan Kerajaan bagi memperkuuh daya anjal fiskal negara, projek-projek yang diraih oleh MIDA bukan setakat berupaya membawakan projek yang inovatif dan kreatif, bahkan mampu menyerlahkan potensi produktiviti negara.

Kegigihan barisan pegawai MIDA untuk menarik projek-projek terbaik yang menepati ciri-ciri yang digariskan sehingga berjaya membawa Malaysia ke fasa tertinggi ditampilkan dalam Laporan Tahunan kali ini. Menyedari peranannya sebagai sandaran rujukan yang penting bagi agensi-agensi promosi pelaburan (IPA) di dalam dan luar negara, MIDA mengambil inisiatif bagi menjalankan kerjasama rapat dengan IPA serta Koridor Serantau (RC) untuk memudahkan urusan permohonan pelabur. Selain itu, MIDA turut melebarkan sayapnya merentasi negara-negara dunia termasuklah Singapura, Thailand, New Zealand, India, Sri Lanka, China, Iran dan Jerman menerusi misi dagangan dan pelaburan. Pelengkap kepada semua inisiatif tersebut ialah program-program jalinan yang turut digiatkan oleh MIDA bagi memastikan penglibatan secara langsung dengan sektor swasta dan pihak berkepentingan terus diperkuuh.

Dalam perkembangan lain, aktiviti-aktiviti dalam kalangan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) untuk mengenal pasti hab ekonomi terbaik akan diteruskan. Memandangkan bilangan syarikat MNC yang memilih model *Principal Hub* (PH) Malaysia dan insentif menarik semakin meningkat, Malaysia dilihat bakal menjadi destinasi pilihan syarikat-syarikat MNC yang sedang mencari tapak operasi global dan serantau. Ekoran perkembangan ini juga, nilai pelaburan diluluskan daripada entiti global telah meningkat 72 peratus pada tahun 2016, sekali gus turut membuka 1,980 peluang pekerjaan bernilai tinggi. Jelaslah, MIDA berjaya menyusun langkah yang tepat bagi mencapai matlamatnya biarpun terpaksa menempuh saingen yang amat sengit daripada negara-negara jiran ASEAN yang menawarkan kos rendah.



Pada masa yang sama, projek-projek pelaburan bermutu tinggi bukan hanya diperoleh daripada sumber luar, bahkan, pelaburan tempatan yang diterajui sektor swasta turut menjadi pemacu pertumbuhan negara untuk jangka masa panjang. Berhubung dengan itu, MIDA kekal komited mempromosikan pelaburan tempatan menerusi usahanya untuk membangunkan rantaian bekalan antara syarikat-syarikat tempatan, termasuklah perusahaan kecil sederhana (SME), dengan syarikat-syarikat besar. Ini dilaksanakan melalui jalinan strategik antara kedua-dua pihak terbabit.

Namun begitu, momentum pertumbuhan yang giat dimanfaatkan menerusi pelaburan tempatan dan asing, walau bermutu tinggi sekalipun, hanya akan beroleh kejayaan sekiranya syarikat-syarikat terlibat memfokuskan usaha untuk meningkatkan produktiviti merentasi seluruh rantaian nilai mereka. Usaha yang dimaksudkan termasuklah meningkatkan taraf tenaga

01

Pengenalan



Sesi dialog bersama 'German Business Leaders', di Berlin, Jerman pada 27 September 2016

kerja, memanfaatkan teknologi baharu dan menambah baik inovasi agar dapat merancakkan lagi ekosistem perniagaan secara holistik sekali gus mendorong pengukuhan agenda ekonomi Malaysia untuk jangka masa panjang. Dalam hal ini, pemantapan amalan perniagaan serta pelaburan inovasi dilihat semakin penting, malah sama penting dengan aspek teras lain seperti infrastruktur, kemahiran dan pasaran yang cekap.

Hari-hari mendatang menjanjikan pelbagai cabaran makroekonomi, antaranya, ketidaktentuan mata wang dunia, harga komoditi yang menurun dan kekangan hutang dalam pasaran memuncul. Rentetan daripada itu, aktiviti FDI global mungkin turut terkena tempiasnya. Apa pun, berbekalkan pendekatan terfokus yang kukuh dan berterusan demi memantapkan ketahanan ekonomi negara, MIDA akan tetap mengatur langkah jitu agar Malaysia kekal di kedudukan terunggul di seantero dunia.

"Dengan berlatarkan gabungan pelbagai faktor, antaranya, lokasi Malaysia di tengah-tengah rantau ASEAN, takungan modal insan yang mantap, ekosistem perniagaan yang moden, infrastruktur dan kesalinghubungan bertaraf antarabangsa, penawaran kos serta pakej insentif yang kompetitif, ia mengukuhkan daya tarikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau."



02 MEMACU KE ARAH PERTUMBUHAN STRATEGIK

Tan Sri Amirsham A. Aziz, Pengerusi **MIDA** menilai kepelbagaian ekonomi dan asas yang kukuh di Malaysia serta peluang untuk pertumbuhan strategik demi kemakmuran negara



02

Pernyataan Pengerusi



TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ
Pengerusi, MIDA

Pada tahun 2017, **MIDA** meraikan ulangtahun ke-50 sebagai rakan strategik kepada pelabur dan pihak berkepentingan di Malaysia serta di seluruh dunia. Ditubuhkan pada tahun 1967 bagi menyahut cadangan Bank Dunia di dalam laporannya ‘*Economic Aspects of Malaysia*’ yang diterbitkan pada 1963, sebuah agensi pelaburan ditubuhkan bagi mengkoordinasikan pembangunan dan mempromosikan industri negara. Melalui pelbagai era daripada tumpuan terhadap eksport dan industri berat hingga ke industri berteknologi tinggi serta bermodalkan intensif di era milenia, **MIDA** terus mempromosikan dan menjadi fasilitator pelaburan serta membuka laluan untuk evolusi perindustrian Malaysia.


Malaysia, meskipun turut terkesan dengan ketidakpastian dan cabaran global, berjaya mengekalkan momentum pelaburan dengan nilai pelaburan yang diluluskan di tahun 2016 sebanyak RM207.9 bilion bagi pelaksanaan 4,972 projek yang dijangka mampu mewujudkan sebanyak 150,060 peluang pekerjaan. Walaupun, bilangan projek dan peluang pekerjaan mengalami penurunan masing-masing sebanyak 4.5 dan 15 peratus berbanding tahun 2015, jumlah keseluruhan nilai pelaburan yang diluluskan telah meningkat sebanyak 7.7 peratus. Prestasi ini boleh dibanggakan memandangkan keadaan ekonomi global yang pesimis akibat kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan China, di samping kejatuhan harga minyak mentah global.

Daripada keseluruhan nilai pelaburan yang diluluskan, sejumlah RM148.9 billion atau 72 peratus disumbangkan oleh pelaburan langsung domestik

(DDI), manakala selebihnya RM59 billion atau 28 peratus adalah dari pelaburan langsung asing (FDI). Nisbah DDI mengatasi FDI adalah selaras dengan visi kerajaan dimana pelabur tempatan menerajui pelaburan swasta dan ini memberikan gambaran yang positif di atas usaha yang dilakukan oleh MIDA bagi merealisasikan visi tersebut. Dengan memfokuskan kepada program yang mengukuhkan jalinan strategik antara syarikat Malaysia dengan syarikat MNC, dan menyokong pembangunan rantaian bekalan, sektor domestik sudah bersedia untuk terus berkembang. Di samping itu, peningkatan nilai FDI sebanyak 9 peratus berbanding tahun sebelumnya menandakan bahawa persepsi terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan dan kompetitif di Asia Pasifik semakin bertambah baik.

Aliran Masuk FDI Malaysia

Dalam tahun 2016, aliran FDI Malaysia turun sebanyak 5% dibandingi kemerosotan aliran FDI dunia dan negara-negara membangun sebanyak 13% dan 20% masing-masing



Sumber: DOSM

Dengan usaha penambahbaikan dahulu dan kini, kepelbagaiannya ekonomi dan asas yang kukuh di Malaysia memberikan gabungan penawaran nilai strategik yang mampan, penting bagi menarik pelabur. Dalam Laporan ‘Doing Business’ 2017 oleh Bank Dunia, Malaysia tersenarai di tempat ke-23 daripada 190 buah negara dari aspek mudah menjalankan perniagaan, kedudukan yang lebih baik berbanding negara maju seperti Perancis (ke-29), Switzerland (ke-31) dan Jepun (ke-34). Di antara negara-negara ASEAN, Malaysia berada di kedudukan kedua selepas Singapura, manakala di kalangan negara Asia Pasifik pula, Malaysia berada di tempat ketujuh selepas New Zealand, Singapura, Hong Kong, Korea Selatan, Taiwan, dan Australia. Selain itu dalam Laporan ‘Global Competitiveness’ 2016-2017 oleh World Economic Forum (WEF), Malaysia ditempatkan di kedudukan ke-25 daripada 138 ekonomi dunia. Dengan pencapaian ini, Malaysia tersenarai sebagai sebahagian daripada 20 peratus ekonomi paling kompetitif di dunia, dan berada di kedudukan tertinggi antara negara Asia yang membangun.

Prospek masa hadapan Malaysia amat cerah, melangkah positif ke arah mencapai matlamat negara maju menjelang 2020 dengan menarik FDI berkualiti tinggi, yang penting bagi perkembangan industri negara untuk mendorong pertumbuhan syarikat-syarikat Malaysia. Bagi melakar lebih banyak kemajuan, MIDA mengambil peranan sebagai peneraju untuk memastikan negara terus menjadi tarikan bagi pelaburan berkualiti tinggi dari sumber asing dan tempatan dengan cara memanfaatkan pendekatan ekosistem, mempromosikan pelaburan kepada industri sasaran, di samping berterusan membangunkan dan mengukuhkan kluster industri serta rantaian nilai. Oleh yang demikian, lompatan di dalam rantaian nilai yang diisi oleh syarikat Malaysia atau pelabur asing akan meningkatkan kadar kompetitif, keteguhan dan produktiviti Malaysia.

02

Pernyataan Pengerusi

Sebagai Pengerusi, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pengurusan dan kakitangan MIDA yang telah melaksanakan yang terbaik dalam usaha berterusan menyokong MIDA dalam memacu persekitaran bisnes yang positif, dan juga kepada semua pihak berkepentingan atas segala sokongan serta komitmen bagi memperkuuh hubungan kerjasama dengan MIDA. Sokongan yang tidak terhingga dari segenap lapisan masyarakat bermula daripada wakil-wakil industri sehinggalah rakyat Malaysia seluruhnya amatlah penting di dalam usaha kerajaan bagi **Memacu ke arah Pertumbuhan Strategik** demi kemakmuran negara dan masyarakat.

“Bagi melakar lebih banyak kemajuan, MIDA mengambil peranan sebagai peneraju untuk memastikan negara terus menjadi tarikan bagi pelaburan berkualiti tinggi dari sumber asing dan tempatan dengan cara memanfaatkan pendekatan ekosistem, mempromosikan pelaburan kepada industri sasaran, di samping berterusan membangunkan dan mengukuhkan kluster industri serta rantai nilai”



Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara MIDA bersama CIDB pada 5 Ogos 2016

03 INISIATIF BERFOKUS

Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif **MIDA** menegaskan kepentingan pendekatan yang bersasaran untuk meningkatkan produktiviti dengan mempertingkatkan modal insan, menerapkan teknologi baharu, dan meningkatkan automasi untuk menyokong peralihan Malaysia kepada sebuah negara berpendapatan tinggi yang dimatlamatkan oleh kerajaan menjelang 2020



03

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



DATO' AZMAN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA

Dalam meneruskan usaha untuk menarik minat pelabur dan menggalakkan pertumbuhan mampan bagi syarikat-syarikat Malaysia, **MIDA** mengambil pendekatan ekosistem yang menekankan pengutamaan terhadap keseluruhan rantaian nilai dalam sektor-sektor yang disasarkan. Inisiatif untuk meningkatkan produktiviti dengan mempertingkatkan keupayaan modal insan, menerapkan teknologi baharu, dan meningkatkan automasi, amat penting dalam memastikan sasaran tercapai

Tahun ini, MIDA dengan bangga menyambut ulangtahun dekad kelimanya selaku agensi pelaburan utama Kerajaan bagi industri perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. MIDA telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam usaha mentransformasikan negara menerusi pelbagai fasa pembangunan industri dan kini MIDA tertumpu kepada peralihan industri-industri Malaysia ke fasa revolusi industri keempat, atau industri 4.0, yang membariskan kombinasi sistem siber-fizikal, *Internet of Things*, dan *Internet of Systems*.

MIDA telah memenangi anugerah Agensi Promosi Pelaburan Tertinggi 2016 oleh majalah Site Selection bagi rantau Asia Pasifik untuk kategori "national" – ini merupakan kemenangan MIDA kali yang ke dua selepas kemenangan pertama pada 2015. Kemenangan ini telah disiarkan di dalam majalah *Site Selection* edisi Mei tahun ini, sebagai sebahagian daripada siri *Global Best to Invest* agensi tersebut. Oleh itu, MIDA komited untuk terus memperbaik penyampaian perkhidmatannya, dengan menarik pelaburan baharu dan menyokong pelabur sedia ada secara lebih efisien dan efektif menerusi inisiatif berfokus.

Walau dalam suasana ekonomi global yang mencabar, Malaysia masih mampu melepassi jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun sebelumnya sebanyak 7.7 peratus, dengan menarik pelaburan sebanyak RM207.9 bilion pada 2016, berbanding RM193 bilion pada 2015. Dari segi aliran Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan Pelaburan Langsung Domestik (DI), Malaysia menyaksikan pelaburan masing-masing berjumlah RM59 bilion, dan RM148.9 bilion. Lebih 5,000 syarikat dari lebih 80 negara telah menjadikan Malaysia destinasi pelaburan bagi operasi perkilangan dan perkhidmatan mereka.

Sektor perkhidmatan terus menyerlah dari segi pelaburan, menarik pelaburan sebanyak RM141.2 bilion dan menyumbang 68 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Daripada pelaburan tersebut sebanyak 4,199 projek telah diluluskan dan menwujudkan 88,108 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Cabaran baharu yang dihadapi Malaysia kini adalah untuk mengekalkan daya maju pelaburan untuk jangka masa panjang.



Syarikat-syarikat di Malaysia perlu mempertingkat kemahiran modal insan dan menerapkan teknologi baharu agar dapat mengekalkan kemampuan dan mencapai pulangan produktiviti. MIDA akan memainkan peranannya di dalam menyokong pembangunan modal insan dan komited untuk merealisasikan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) negara dengan penawaran insentif-insentif kepada beberapa industri khusus untuk menggalakkan pertumbuhan kemampaman kendiri (*self-sustained*).

Pendekatan Bersasaran

Pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh MIDA di dalam usaha untuk menarik pelaburan asing antaranya adalah menganjurkan siri misi perdagangan dan pelaburan setiap tahun ke beberapa buah negara dan rantau yang disasarkan. Pendekatan yang lebih

selektif telah diterima pakai dengan menyasarkan industri-industri bernilai tinggi dan berteknologi tinggi seperti aeroangkasa, peranti perubatan, farmaseutikal, elektronik termaju, mesin dan peralatan, hab prinsipal dan tenaga boleh diperbaharui. Jalinan kerjasama antara pakar industri dan hab R&D telah dilaksanakan bagi membolehkan pemindahan pengetahuan dilakukan tanpa halangan. Kreativiti dan inovasi amat penting untuk melonjakkan ekonomi ke tahap rantaian nilai lebih tinggi, terutamanya melibatkan aktiviti nilai bertambah tinggi dan perkilangan bahagian depan. Malaysia sudah bersedia untuk memasuki fasa pembangunan yang baru.

MIDA senantiasa memperhalusi dan menambah baik proses operasinya bagi mencapai tahap efisiensi dan efektif yang lebih tinggi untuk menarik pelaburan yang tepat. Langkah telah diambil bagi mempertingkat hubungan sesama pelabur di samping membantu pelabur sewaktu fasa pelaksanaan dan operasi

03

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



“Kreativiti dan inovasi amat penting untuk melonjakkan ekonomi ke tahap rantaian nilai lebih tinggi, terutamanya melibatkan aktiviti bernilai tambah tinggi dan perkilangan bahagian depan. Malaysia sudah bersedia untuk memasuki fasa pembangunan yang baharu.”

Misi US-ASEAN Business Council ke Malaysia yang telah diadakan di MIDA Sentral, Kuala Lumpur pada 6 April 2016

perniagaan mereka. Dengan segala langkah dan dasar yang telah dilaksanakan, MIDA akan meneruskan usahanya untuk membangunkan serta mengekalkan suasana ekosistem perniagaan yang sihat bagi menyokong landskap ekonomi Malaysia.

Oleh yang demikian, usaha yang dilaksanakan telah membawa hasil; dalam Penilaian Pemantauan Trend Pelaburan Global untuk tempoh 2016-2018 oleh UNCTAD, Malaysia berjaya menduduki tangga kesepuluh iaitu naik empat anak tangga berbanding kedudukan ke-14 yang diperoleh bagi tempoh 2014-2016.

Suasana di tahun hadapan diramalkan akan bertambah baik dan ekonomi Malaysia dijangka berupaya menempui rintangan luaran dengan peningkatan pertumbuhan GDP negara dianggarkan sebanyak 4.3 peratus pada 2017, berikutan pertumbuhan sebanyak 4.2 peratus pada 2016. Dengan peningkatan sektor industri negara ke tahap rantaian nilai perindustrian yang

semakin tinggi, bidang strategik yang disasarkan untuk mencapai pertumbuhan masa depan ialah e-Dagang dan ekonomi digital yang semakin meluas, termasuk perkilangan khusus dan kompleks. Kerjasama yang lebih kukuh bersama negara-negara ASEAN akan memastikan pasaran bagi produk negara, di samping aliran barang dan perkhidmatan yang lebih baik di seluruh rantau ini.

Saya ingin merakamkan setulus terima kasih kepada semua warga MIDA yang penuh dedikasi dan pihak-pihak di setiap Kementerian serta agensi terlibat, termasuk rakan industri yang telah berusaha keras bagi memastikan agenda negara dijayakan. Kami di MIDA berasa bangga akan peranan kami dalam menyokong peralihan Malaysia kepada sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Dengan perancangan strategi yang kukuh dan gabungan kerjasama yang luas, saya yakin kita akan mencapai masa depan yang lebih cerah untuk Malaysia.



04 PENGURUSAN

Lembaga Pengarah MIDA terdiri daripada tiga belas (13) anggota diketuai oleh seorang Pengurus yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ahli-ahli lain Lembaga Pengarah termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, seorang wakil kanan daripada Kementerian Kewangan, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan

Perindustrian dari Sabah. Lembaga Pengarah juga mempunyai lapan anggota daripada sektor swasta mewakili sektor-sektor komersial, perlungan, kewangan, perindustrian dan perkhidmatan.

Empat mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan pada tahun 2016.



TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ
Pengerusi, MIDA



DATO' AZMAN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA



DATUK SERI J. JAYASIRI
Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)



DATO' KHODIJAH ABDULLAH
Setiausaha Bahagian Cukai (SBC),
Kementerian Kewangan /
Perbendaharaan Malaysia



DATUK HAJI HASHIM PAIJAN
Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan
Perindustrian, Sabah



DATUK NORIYAH AHMAD
Pengerusi Bersama
Malaysia-Thailand Joint
Authority (MTJA)



DATO' GOOI SOON CHAI
Naib Presiden Kanan
Keysight Technologies Inc.
Presiden, Electronic Industrial
Solutions Group



**YM TENGKU DATO' SRI ZAFRUL
TENGKU ABDUL AZIZ**
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
CIMB Group Holdings Berhad
Ketua Eksekutif Kumpulan
CIMB Bank Berhad



MR STUART L. DEAN
Penasihat Kanan
ASEAN Advisory Pte Ltd



**DATU HAJI ISMAWI
HAJI ISMUNI**
Timbalan Setiausaha
Kerajaan Negeri
(Transformasi Sosio-Ekonomi)



TAN SRI SAW CHOO BOON
Bekas Presiden
Persatuan Pengilang-
Pengilang Malaysia (FMM)



MS ANNA MARIA BRAUN
Presiden, Asia Pasifik
B. Braun Medical
Industries Sdn. Bhd.



MR MANOJ MENON
Rakan Kongsi Kanan &
Pengarah Urusan, Asia Pasifik
Frost & Sullivan GIC
Malaysia Sdn. Bhd.

Pengurusan



DATO' AZMAN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif



DATUK PHANG AH TONG
Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif I



DATUK N. RAJENDRAN
Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif II



**DATO' WAN HASHIM
WAN JUSOH**
Pengarah Eksekutif Kanan
Perancangan Strategik &
Ekosistem Pelaburan



JASWANT SINGH
Pengarah Eksekutif
Ekosistem Pelaburan



**MOHAMED ZUHARI
MOHAMED NOR**
Pengarah Eksekutif
Khidmat Pengurusan



AZIAN MOHD YUSOF
Pengarah Eksekutif
Pembangunan Perkhidmatan
(O&G, KPH, CTEM)



ZABIDI HJ. MAHBAR
Pengarah Eksekutif
Perancangan Strategik



MOHD ZULKAFLI ISMAIL
Pengarah Eksekutif
Pembangunan Perkilangan
(Bukan Sumber)



**AHMAD KHAIRUDDIN
ABDUL RAHIM**
Pengarah Eksekutif
Pembangunan Perkilangan
(Sumber)



LIM BEE VIAN
Pengarah Eksekutif
Pembangunan Perkhidmatan
(RESC, RDBS & ICCO)



ARHAM ABDUL RAHMAN
Pengarah Eksekutif
Penggalakan Pelaburan

04

PENGURUSAN



INON ABDUL HAMID
Pengarah
Bahagian Elektrikal dan Elektronik
(hingga 3 Ogos 2016)



SIMON LEE YEW WENG
Pengarah
Bahagian Penggalakan Pelaburan Asing
(dari 1 Ogos hingga 21 Disember 2016)



MOHD RASLI MUDA
Pengarah
Bahagian Teknologi Makanan & Sumber Lestari



YEE NAI TUCK
Pengarah
Bahagian Bisnes Frontier
(hingga 10 Jun 2016)



MOHD ZUKEPLI HJ. EMBONG
Pengarah
Bahagian Pelaburan Tempatan
(hingga 24 Julai 2016)



HAFIZAH SHAHAR
Pengarah
Bahagian Infrastruktur dan Khidmat Sokongan
(hingga 18 Januari 2016)



JASBIR KAUR A/P BACHAN SINGH
Pengarah
Bahagian Teknologi Pengangkutan



FARIDAH ABDULLAH
Pengarah
Bahagian Jentera & Logam



CHOO WAI MENG
Pengarah
Bahagian Statistik Pelaburan



RASHIDAH OTHMAN
Pengarah
Bahagian Perancangan Strategik & Advokasi Dasar



SHAHROL SHAHABUDDIN
Pengarah
Pejabat Penyeragaman dan Penyelarasian Insentif (ICCO)



M. UMARANI
Pengarah
Bahagian Kimia & Bahan Termaju



ROESLINA ABBAKS
Pengarah
Bahagian Penubuhan Serantau & Pengurusan Rantaian Bekalan



BALKISH MOHD YASIN
Pengarah
Bahagian Sains Hayat dan Teknologi Perubatan
(dari 1 Ogos 2016)



AHMAD TAJUDIN OMAR
Pengarah
Bahagian Pelaburan Tempatan
(dari 1 Ogos 2016)



ZALINA ZAINOL
Pengarah
Bahagian Maklumat & Komunikasi

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Minyak & Gas
(hingga 31 Julai 2016)

Pengarah
Bahagian Sains Hayat dan Teknologi Perubatan
(hingga 31 Julai 2016)



WAN HASHIMAH WAN SALLEH
Pengarah
Bahagian Penjagaan Kesihatan,
Pendidikan & Hospitaliti



MOHAMAD ISMAIL ABU BAKAR
Pengarah
Bahagian Pengurusan Talent Industri



ZUAIDA ABDULLAH
Pengarah
Bahagian Teknologi Bersih &
Pengurusan Persekitaran



NORMI ALIAS
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



RAMLI BAKAR
Pengarah
Bahagian Tarif



NOR 'AINI MAT TALHA
Pengarah
Bahagian Sekretariat Pelaburan Nasional



FAUZIAH ADAM
Pengarah
Bahagian Pembangunan Sistem
Teknologi Maklumat
(hingga 4 November 2016)



NOOR AIEDA AHMAD
Pengarah
Bahagian R&D dan
Perkhidmatan Bisnes



NAJIHAH ABAS
Pengarah
Bahagian Teknologi Bangunan
& Gaya Hidup



ZAINI ISHAK
Pengarah
Bahagian Pengurusan Kewangan
(hingga 28 September 2016)



ROZIYAH KASSIM
Ketua Bahagian
Bahagian Pengurusan Korporat
(dari 3 Ogos 2015)



ZURAIDAH OTHMAN
Ketua Bahagian
Bahagian Pematuhan dan
Pemantauan Pelesahan dan Galakan




MEGAT FAIZAL MOHAMAD ZABRI
Ketua Unit
Unit Audit Dalam



ZIL MUKHRIZ SULONG
Ketua Seksyen
Seksyen Perundangan dan
Hubungan Kerajaan
(dari 1 Mei 2016)

Struktur Organisasi

Carta Organisasi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
(Pada 31 Disember 2016)





05 MENEMPA JEJAK TANDA

MIDA adalah agensi unggul Malaysia yang berusaha untuk menarik minat pelabur bagi merealisasikan agenda pembangunan ekonomi negara

05

MIDA dan Fungsinya



Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) adalah agensi utama kerajaan bagi penggalakan dan penyelarasan pembangunan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti).

Dahulu dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, MIDA telah ditubuhkan pada tahun 1967 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan, 1965 sebagai sebuah badan berkanun di bawah penyeliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pada tahun 2011, Akta tersebut dipinda dan diberi nama baharu Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011 dengan pelancaran Model Baru Ekonomi (*New Economic Model*, NEM). Menurut Akta MIDA, fungsi-fungsi MIDA adalah seperti berikut:

- Mengetuai, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di dalam atau di luar Malaysia;
- Menjalankan atau menyebabkan perancangan dan penyelidikan yang dijalankan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Memberi nasihat kepada Kerajaan berhubung dasar-dasar berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) termasuk dasar-dasar mengenai:
 - » pemberian lesen pengilang;
 - » insentif yang layak kepada pelabur di Malaysia;
 - » jawatan pegawai dagang;
 - » mengena atau memotong dan mengecuali daripada duti kastam; dan
 - » kemudahan fiskal dan bukan fiskal yang lain;
- Menggubal langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Mengkoordinasi dan memudahkan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- Menyediakan perkhidmatan jururunding termasuk latihan dan bantuan teknikal;
- Menjalankan apa-apa aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain selaras dengan objektif Kerajaan berhubung dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Membantu syarikat-syarikat Malaysia dalam meneroka peluang pelaburan dan teknologi di luar negara;
- Bertindak sebagai pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berhubung dengan pelaburan dalam semua sektor ekonomi;
- Melaporkan kepada Menteri berhubung dengan perkembangan dan masalah pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitannya (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di Malaysia dan membuat pengesyoran bagaimana masalah tersebut boleh dihadapi;
- Menjalankan fungsi-fungsi lain yang selaras dengan Akta MIDA dan bidang kuasa Menteri secara bertulis; dan
- Secara umumnya menjalankan semua kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang kuasa dan fungsi-fungsi di bawah Akta MIDA.



06 MALAYSIA MENGINTAI KEGEMILANGAN

Sektor perkhidmatan kekal sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2016

06

Sektor Perkhidmatan


Malaysia giat berusaha dan tetap bangkit dan berazam untuk merealisasikan Wawasan 2020 bagi menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Seperti dialami oleh negara-negara membangun yang lain, sektor perkhidmatan Malaysia terus berkembang dan menerajui pertumbuhan ekonomi dengan sumbangannya yang semakin meningkat kepada GDP negara. Pada tahun 2016, sebanyak 4,199 projek perkhidmatan telah diluluskan, dengan nilai pelaburan berjumlah RM141.2 bilion. Ini merangkumi 68 peratus daripada keseluruhan pelaburan negara pada tahun tersebut. Daripada jumlah tersebut, pelaburan langsung domestik (DDI) mencecah RM112.9 bilion manakala FDI sebanyak RM28.3 bilion, peningkatan yang cukup ketara iaitu 128 peratus daripada RM12.4 bilion seperti yang direkodkan pada 2015. Subsektor harta tanah masih menerajui sumbangan terbesar iaitu RM64.1 bilion, disusuli dengan subsektor penubuhan hab global (RM14.1 bilion), perkhidmatan kewangan (RM13.7), utiliti (RM10.6 bilion) dan perdagangan peragihan (RM9.3 bilion).

Pembangunan sektor perkhidmatan negara adalah berdasarkan kepada garis panduan Pelan Induk Sektor Perkhidmatan (*Services Sector Blueprint*) yang dilancarkan pada 2015. Di samping itu, Rancangan Malaysia ke-11 (11MP) turut menitikberatkan sektor perkhidmatan dengan menggariskan strategi khusus untuk mempertingkatkan daya saing dan daya tahan sektor ini berasaskan aktiviti berintensifkan pengetahuan dan inovasi. Selaras dengan strategi-strategi tersebut, fokus disasarkan kepada pelaburan bermutu tinggi di dalam bidang hab prinsipal, logistik, ekosistem e-dagang, teknologi hijau, tenaga boleh diperbaharui dan pengurusan sisa. Oleh yang demikian, pertumbuhan sektor ini setahun adalah dijangka pada kadar 6.8 peratus dan menyumbangkan sebanyak 56.5 peratus kepada GDP negara serta menjana 9.3 juta peluang pekerjaan.

Pelaburan Mengikut Industri

Sektor perkhidmatan tetap mantap dan menerajui pelaburan dengan angka RM 141.2 bilion. Pelaburan domestik mendahului pelaburan di Malaysia



Malaysia Mempamerkan Daya Tarikan Bagi Penubuhan Hab Global


Daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terletak pada lokasi geografinya yang strategik di tengah-tengah ASEAN, infrastruktur dan kesalinghubungan bertaraf antarabangsa, ekosistem perniagaan yang efisien, akses kepada bakat berpendidikan tinggi, kelebihan kos yang kompetitif dan insentif cukai. Malaysia memperkenalkan Insentif Hab Prinsipal pada Mei 2015 untuk menarik dan menggalakkan syarikat multinasional untuk memilih Malaysia sebagai hab operasi dan perniagaan yang strategik pada peringkat serantau dan antarabangsa. Selain itu, Malaysia menduduki tangga ke-12 dan ke-13 masing-masing

dalam indeks efisiensi pergerakan barang-ke-pasaran dan pembangunan pasaran kewangan dari aspek daya saing global oleh Laporan *Global Competitiveness 2016-2017* terbitan *World Economic Forum (WEF)*. Didorong oleh peningkatan kos, permintaan global serta persaingan sengit, syarikat multinasional kini menerima pakai model Hab Prinsipal ini bagi membolehkan keputusan dibuat dengan pantas dan menyokong evolusi trend rantaian bekalan.

Sejumlah 1,952 projek penubuhan hab global telah diluluskan sehingga 2016. Daripada jumlah tersebut, majoriti projek membabitkan 999 pejabat perwakilan (RE), diikuti 620 pejabat serantau (RO). Projek-projek selebihnya ialah 166 ibu pejabat operasi (OHQ), 36 hab operasi global (GOH), 26 pusat pengedaran serantau

Aliran Masuk FDI Global

Kejatuhan aliran FDI global sebanyak 13% pada 2016 mencecah AS\$ 1.52 trilion diselubungi oleh keadaan ekonomi global yang lesu



Sumber: UNCTAD *Global Investment Trends Monitor*

06

Sektor Perkhidmatan

(RDC), 75 pusat pemerolehan antarabangsa (IPC), 11 pusat pengurusan perbendaharaan (TMC) dan 19 projek hab prinsipal.

Pada 2016, sebanyak 13 projek baru Hab Prinsipal telah diluluskan, dengan jumlah perbelanjaan perniagaan sebanyak RM13.8 bilion dan menyediakan 1,982 peluang pekerjaan bernilai tinggi untuk rakyat Malaysia. Setakat ini, 19 Hab Prinsipal beroperasi di Malaysia. Contoh-contoh syarikat yang melaksanakan aktiviti Hab Prinsipal ialah: salah sebuah konglomerat diversifikasi terbesar Malaysia yang menguruskan perladangan kelapa sawit dan industri perkilangan berasaskan sumber; dan sebuah subsidiari kumpulan syarikat gergasi Norway dalam industri maritim global yang menguruskan rantaian bekalan, perkhidmatan perkapalan dan pengendalian, serta pengagihan laluan darat dengan pelaburan berjumlah RM94.6 juta untuk tempoh lima tahun.

Sejumlah 91 projek RE/RO diluluskan pada 2016 dengan perbelanjaan perniagaan RM122.7 juta. Projek-projek ini dijangka mewujudkan 185 peluang pekerjaan untuk warga Malaysia. Daripada projek RE/RO tersebut, 52 ialah RE (57.1%) sementara 39 ialah RO (42.9%). AS dan Jepun merupakan dua negara dengan jumlah pelaburan RE/RO tertinggi di Malaysia.

Di bawah subsektor **perkhidmatan sokongan**, industri logistik bertanggungjawab di dalam mengerakkan pembangunan industri rantaian pembekalan dan merupakan tulang belakang yang menyokong pertumbuhan perdagangan dan ekonomi negara. Lokasi Malaysia yang strategik, ekosistem perniagaan yang cekap dan infrastruktur pengangkutan yang kukuh, Malaysia mempunyai ciri-ciri asas yang diperlukan untuk menjadi pintu masuk bagi industri logistik di rantau ini. Sehingga Disember 2016, sejumlah 72 buah syarikat perkhidmatan logistik bersepadau (ILS) telah diluluskan insentif dengan pelaburan bernilai RM4.52 bilion. Manakala pada tahun 2016, sejumlah enam projek ILS telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM672.6 juta dan dijangka mewujudkan 765 peluang pekerjaan.

Selain itu, syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan logistik merentas keseluruhan rantaian nilai industri di peringkat global dan serantau secara bersepadau dan berterusan sebagai satu entiti tunggal

dianugerahkan status perkhidmatan logistik bersepadau antarabangsa (IILS). Manakala, syarikat-syarikat IILS yang bertaualiah akan diberikan Lesen Ejen Kastam. Pada 2016, sejumlah 21 syarikat diiktiraf sebagai berstatus ILS dan 18 daripadanya ialah syarikat tempatan.

Pertumbuhan Hijau

Sebagai negara yang pesat membangun, Malaysia menyedari keperluan untuk menyeimbangkan pertumbuhan ekonomi dan tanggungjawab kepada alam sekitar; oleh itu, Dasar Teknologi Hijau Negara telah diperkenalkan dan teknologi hijau (GT) dikenal pasti sebagai pemacu ekonomi di masa hadapan yang merangkumi aspek tenaga, alam sekitar, ekonomi dan sosial.

Pada 2016, sejumlah 111 projek **tenaga boleh diperbaharui** bernilai RM1.9 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, RM1.7 bilion (88%) ialah pelaburan domestik dan RM233.8 juta (12%) pelaburan asing. Pelaburan yang diluluskan termasuk 81 projek solar bernilai RM588.8 juta, enam projek biojisim berjumlah RM343.6 juta, 12 projek biogas berjumlah RM145.7 juta, 10 projek mini-hidro bernilai RM806.6 juta dan dua projek gabungan tenaga – solar, biojisim dan biogas – berjumlah RM64.0 juta. Projek-projek ini dijangka mampu mewujudkan 615 peluang pekerjaan.

Pada tahun 2016, dua projek signifikan teknologi hijau telah diluluskan iaitu projek penjanaan tenaga solar boleh diperbaharui bernilai RM66.7 juta di Jasin, Melaka. Projek ini dijangka akan menjana tenaga berkapasiti 12MW untuk penggunaan sendiri bagi menyokong operasi pembuatan kaca syarikat. Projek kedua ialah projek transformasi inovatif waste to profit iaitu projek biojisim yang akan menggunakan sekam padi dan serpihan kayu untuk menjana elektrik yang berpotensi mencapai 9.95MW di Padang Terap, Kedah dengan nilai pelaburan RM121.1 juta.

Semakin banyak syarikat beralih kepada ‘tenaga hijau’ dalam perniagaan mereka; termasuk pengilang, pengendali kompleks beli-belah, bangunan komersial dan perusahaan lain yang memerlukan akses tenaga berkapasiti tinggi.



Pada 2016, sejumlah 19 projek dalam **kecekapan tenaga (EE)/ pemuliharaan tenaga (EC)** dengan pelaburan RM248.5 juta diluluskan, di mana hampir semua pelaburan adalah daripada sumber domestik. Daripada projek-projek ini, tiga diusahakan oleh syarikat perkhidmatan tenaga (ESCO) sementara 15 projek dibangunkan oleh sektor perindustrian dan komersial.

Dua projek **pengurusan sisa** diluluskan pada 2016 dengan jumlah pelaburan bernilai RM381.9 juta, untuk aktiviti pengurusan sisa pepejal secara bersepadu, penjanaan tenaga daripada biogas dan rawatan sisa buangan klinikal menggunakan kaedah pensterilan gas. Kedua-dua projek ini dijangka membuka 112 peluang pekerjaan.

Syarikat **perkhidmatan tenaga hijau** memainkan peranan untuk meningkatkan penerapan amalan hijau, seperti sistem solar bersepadu fotovoltaik dan pembekalan perkhidmatan berkaitan dengan bangunan hijau. Pada 2016, sejumlah 14 projek perkhidmatan hijau dengan pelaburan RM37.6 juta diluluskan, sebahagian besarnya didominasi pemain tempatan dan dijangka akan menyediakan 73 peluang pekerjaan.

Pelaburan berjumlah RM240.3 juta diluluskan dalam subsektor **minyak dan gas**, dijangka akan mewujudkan 70 peluang pekerjaan. Projek yang diluluskan adalah untuk membangunkan sebuah pusat pembekalan setempat, termasuk fasiliti seperti gudang, stor terbuka, pusat perkilangan, tapak pembalikpulihan dan penyenggaraan peralatan serta perkhidmatan logistik di Tanjung Langsat, Johor.

06

Sektor Perkhidmatan

Modal Insan Bernilai Tinggi

Sebagai salah satu teras di bawah 12 Bidang Ekonomi Ekonomi Negara (NKEA) Malaysia, **perkhidmatan perniagaan dan profesional** dikenal pasti sebagai sektor bernilai tinggi dengan rangkaian perkhidmatan seperti kejuruteraan, perundangan, seni bina dan telekomunikasi. Salah satu pelaburan terbesar diperoleh menerusi geran Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) untuk sebuah syarikat transkripsi media yang mengalih susun pita data seismik kepada media digital untuk kegunaan industri minyak dan gas dengan pelaburan bernilai RM14.2 juta.



Pada 2016, sebanyak 336 buah syarikat telah diluluskan status MNC dengan nilai pelaburan sebanyak RM6.4 bilion. Daripada jumlah tersebut, pelaburan domestik adalah bernilai RM3.5 bilion (3.1%) dan sebanyak 18,171 pekerjaan baharu dijangka diwujudkan. Tahun 2016 ialah tahun cemerlang bagi Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) kerana syarikat ini memacu pertumbuhan pelaburan dan jualan eksport dengan jumlah besar daripada syarikat-syarikat MSC Malaysia – iaitu animasi digital dan harta intelektual – dengan sumbangan RM1.17 bilion kepada jumlah jualan eksport pada 2016. Setakat Ogos 2016, Malaysia menjadi tuan rumah kepada 22 syarikat multinasional Big Data Analytic (BDA) dari enam buah negara; membuktikan perkembangan negara yang stabil sebagai hab penyelesaian BDA di Asia Tenggara.



Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan, keutamaan diberikan kepada program penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang memberi manfaat kepada pelbagai sektor ekonomi, seperti nanoteknologi,

robotik dan automasi. Pada 2016, sejumlah RM266 juta dilaburkan di Malaysia dalam tujuh projek yang diluluskan, sumbangan signifikan diperoleh daripada kepakaran asing. Projek-projek ini dijangka mewujudkan 687 pekerjaan berpendapatan tinggi.

Dalam subsektor **pendidikan**, sejumlah 670 projek telah diluluskan pada 2016 dengan pelaburan RM581.8 juta. Pelaburan domestik mendominasi dengan jumlah RM426.8 juta (73.4%) sementara pelaburan asing berjumlah RM155 juta (26.6%). Ini merangkumi projek baharu dan pembesaran untuk universiti dan kolej swasta, pusat kemahiran dan institusi pendidikan swasta, dan sekolah antarabangsa.


Industri pelancongan kesihatan mengalami pertumbuhan ketara sejak 2012. Bilangan pelancong kesihatan yang mengunjungi Malaysia meningkat daripada 728,000 pada 2012 kepada 859,000 pada 2015. Kebanyakan pelancong kesihatan adalah dari Indonesia, India dan China. Sebagai bukti kepada pertumbuhan subsektor **penjagaan kesihatan** swasta Malaysia, tiga projek milik tempatan dan satu projek pegangan 54 peratus ekuiti asing telah diluluskan pada 2016 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM188.5 juta. Projek-projek ini dijangka mewujudkan 266 peluang pekerjaan baharu.

Pada 2016, Malaysia menyasarkan untuk menarik sebanyak 30.5 juta pelancong ke negara, menyumbang kepada RM103 bilion daripada resit perbelanjaan pelancong. Subsektor **hotel dan pelancongan** terus berkembang sepanjang 2016, mencatatkan sejumlah 97 projek yang diluluskan dengan pelaburan RM4.7 bilion. Daripada jumlah ini, 71.9 peratus (RM3.4 bilion) ialah pelaburan domestik. Antara projek pelancongan yang wajar diberi perhatian ialah taman tema air berskala besar di Borneo Samariang Resort City, Kuching, Sarawak.

Projek **peruncitan premium** (*Premium Retail Outlet*) kelima di Malaysia menawarkan fesyen golongan atasan bagi warga tempatan dan pelancong meraih pelaburan RM320 juta dan akan mewujudkan 120 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

Jumlah Pelaburan yang Diluluskan Dalam Sektor Perkhidmatan – (Industri)

Hartanah, Pertubuhan Global, Perkhidmatan Kewangan, Utiliti dan Perdagangan Peragihan adalah sub-sektor utama.



*angka dalam RM bilion

Pelaburan Dalam Asas Sektor Perkhidmatan

Sumbangan pelaburan terbesar dalam sektor perkhidmatan di Malaysia adalah daripada subsektor **hartanah** yang membabitkan industri perumahan (tidak termasuk bangunan komersial). Sejumlah 680 projek telah diluluskan pada 2016 dengan nilai pelaburan sebanyak RM64.1 bilion dan hampir kesemuanya (97.5 peratus) adalah daripada pelabur domestik.

Subsektor **perkhidmatan kewangan** meliputi aktiviti perbankan (konvensional, Islam dan luar pesisir), insurans (konvensional, Islam dan luar pesisir) dan pasaran modal (pengurusan dana, penasihat pelaburan, perancangan kewangan, modal urus niaga dan pembrokeran). Pada 2016, subsektor ini menyaksikan pelaburan mencecah RM13.7 bilion dengan pelaburan domestik menyumbang 77.2 peratus. Berbanding segmen lain, segmen perbankan ialah penyumbang terbesar kepada subsektor ini dengan nilai pelaburan RM13.4 bilion dan pelaburan dalam perbankan konvensional menguasai RM11.7 bilion. Pelaburan dalam segmen insurans dan pasaran modal masing-masing mencatatkan RM265.3 juta dan RM3.2 juta.

Dalam konteks subsektor **pengangkutan** yang meliputi aktiviti pengangkutan maritim, penerbangan, serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya, sejumlah 14 projek telah diluluskan yang bernilai sebanyak RM1.9 bilion. Pelaburan domestik merupakan penyumbang terbesar kepada subsektor ini dengan pelaburan sebanyak RM1.8 bilion manakala pelaburan asing berjumlah RM33.1 juta, sekali gus menyediakan 280 peluang pekerjaan. Segmen penerbangan mengaut sebahagian besar daripada portfolio pelaburan menerusi 11 projek bernilai RM393.3 juta, diikuti oleh tiga projek bernilai RM1.4 bilion yang diluluskan untuk pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya. Selain itu, projek MRT telah melancarkan fasa pertamanya pada Disember 2016 bagi laluan Sungai Buloh ke Semantan merentasi 12 stesen. Laluan sepanjang 51 kilometer tersebut mampu menampung perjalanan 400,000 penumpang sehari.

Subsektor **telekomunikasi** merangkumi kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian dan perkhidmatan aplikasi (termasuk perkhidmatan aplikasi kandungan), aktiviti pos dan penyiaran. Pada 2016, pelaburan dalam subsektor ini disumbangkan sepenuhnya oleh pelabur domestik, dengan nilai RM5.9 bilion.

06

Sektor Perkhidmatan

Pelabur domestik merupakan penyumbang terbesar bagi subsektor utiliti yang merangkumi kemudahan tenaga dan air. Pada 2016, pelaburan diperoleh bernilai RM10.5 bilion berbanding RM11.6 bilion pada tahun 2015.

Perdagangan Peragihan terdiri daripada perdagangan borong dan runcit, aktiviti pasar raya besar, pasar raya (*hypermarket/supermarket*) dan gedung membeli belah serta aktiviti jualan langsung dan *francais* serta projek-projek di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974). Pada tahun 2016 sejumlah 1,449 projek telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM9.3 bilion dan dijangka mewujudkan 52,052 peluang pekerjaan.

Perspektif

Sedang Malaysia menghampiri aspirasi Wawasan 2020 dan menuju ke arah status negara berpendapatan tinggi, penyusunan strategi bagi merealisasikan kejayaan ini perlu dilaksanakan dengan teliti. Dalam hal ini, peranan sektor perkhidmatan amat penting demi meningkatkan pertumbuhan negara ke tahap yang disasarkan, sekali gus membawa sektor-sektor lain ke paras kecekapan optimum agar mampu merangsang daya kelebihan kompetitif industri di Malaysia.

Meskipun berdepan dengan cabaran dan ketidakpastian global, kedudukan Malaysia masih kukuh berdasarkan peningkatan GDP yang diunjurkan mencecah 4.3 peratus pada 2017, ekoran pertumbuhan 4.2 peratus

yang dicatatkan pada 2016. Berdasarkan prestasi pencapaiannya, Malaysia mampu mengekalkan kedudukan sebagai destinasi pelaburan yang menarik, dan antara ekonomi terbaik dalam kalangan negara-negara membangun di rantau ini.

Kerajaan telah mengenal pasti ekonomi digital sebagai salah satu bidang utama bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara di masa hadapan. Selari dengan perkembangan tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah mengisyiharkan tahun 2017 sebagai 'Tahun Ekonomi Internet' untuk negara. Ekonomi digital pada ketika ini meliputi 17.8 peratus daripada GDP negara, justeru itu, sumbangan ekonomi digital sebanyak 20 peratus daripada GDP menjelang 2020 adalah dijangka dapat direalisasikan. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) kini menerajui usaha tersebut.

Selain itu, Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2025 juga bakal memainkan peranan penting dalam usaha memperluaskan sektor perkhidmatan Malaysia. Ini adalah kerana pelan tersebut berupaya membuka akses pasaran serta menawarkan kesalinghubungan dan kerjasama yang lebih mantap sesama negara anggota ASEAN.

"Sedang Malaysia menghampiri aspirasi Wawasan 2020 dan menuju ke arah status negara berpendapatan tinggi, penyusunan strategi bagi merealisasikan kejayaan ini perlu dilaksanakan dengan teliti."

07 MELAKAR PENCAPAIAN SETERUSNYA

Projek-projek pengembangan dan pembelagaian pada 2016 membuka jalan untuk melonjakkan lagi daya tarikan sektor perkilangan di Malaysia



07

Sektor Perkilangan

Cabaran besar yang melanda persekitaran ekonomi global dan serantau ketika ini telah mendorong Malaysia mengalihfokus kepada industri berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan berintensifkan pengetahuan; industri bernilai ditambah tinggi; aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta bidang pertumbuhan baharu.

Cabaran lain yang turut dihadapi oleh Malaysia seperti kebergantungan terhadap tenaga kerja asing, tahap produktiviti yang rendah serta persaingan yang semakin sengit daripada rakan serantau ASEAN seperti Vietnam dan Cambodia turut mendorong anjakan ke tahap rantaian nilai yang lebih tinggi dan aplikasi inovasi berteknologi tinggi. Inilah peralihan yang terus digalakkan oleh MIDA terhadap pelabur dan pengilang. Hasilnya, inisiatif yang menyokong pembuatan robotik termaju, pendigitalan kilang berskala tinggi, percetakan 3-D serta pelbagai lagi inovasi tenaga semakin meningkat. Yang pasti, sektor perkilangan yang lebih efisien dan takungan modal insan berkemahiran tinggi yang luas akan meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai hab pelaburan serantau.

Meskipun berdepan dengan risiko global dan ketidaktentuan, pelabur tetap yakin akan kemampuan Malaysia. Peratusan nilai pelaburan yang diluluskan dari segi jumlah keseluruhan meningkat secara signifikan pada 2016 iaitu peningkatan sebanyak 25 peratus berbanding nilai yang tercatat pada 2015, iaitu RM21.6 bilion. Republik Rakyat China (China) menyumbang pelaburan tertinggi, iaitu RM4.8 bilion, diikuti oleh Belanda dengan jumlah pelaburan RM3.2 bilion, Jerman dan UK masing-masing menyumbangkan RM2.6 bilion, Republik Korea dengan RM2.2 bilion dan Singapura dengan RM2.1 bilion. Pelaburan daripada keenam-enam negara ini menyumbang 63.9 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan. Sementara itu, pelaburan domestik yang diluluskan pada 2016 berjumlah RM31.1 bilion berbanding pada tahun 2015 dan 2014, masing-masing RM 52.8 bilion dan RM32.3 bilion.

Pada 2016, sejumlah 733 projek perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM58.5 bilion telah diluluskan, berbanding 680 projek dengan nilai RM74.7 bilion pada 2015. Sejumlah 340 projek baharu telah diluluskan


dengan pelaburan berjumlah RM27.7 bilion, iaitu 47.4 peratus daripada keseluruhan nilai pelaburan yang diluluskan. Pelaburan asing menyumbang lebih satu pertiga daripada nilai pelaburan iaitu RM10.3 bilion atau 37.2 peratus, membuktikan keyakinan pelabur asing dalam projek-projek baharu di Malaysia. Selain itu, 393 projek pembesaran dan pelbagaiaan dengan pelaburan berjumlah RM30.8 bilion telah diluluskan pada 2016, meliputi 52.6 peratus daripada keseluruhan pelaburan yang diluluskan. Produk petroleum dan petrokimia mencatatkan pelaburan tertinggi pada 2016 iaitu RM15.3 bilion, diikuti dengan produk elektrikal dan elektronik (RM9.2 bilion), produk logam asas (RM5.0 bilion), peralatan pengangkutan (RM4.8 bilion) dan gas asli (RM3.6 bilion).

Projek perkilangan yang diluluskan pada 2016 dijangka mewujudkan 64,120 peluang pekerjaan dengan 38 peratus daripadanya melibatkan pekerjaan berkualiti tinggi. Daripada kategori pekerjaan kualiti tinggi 13,480 ialah kategori Pengurusan, Teknikal dan Penyeliaan (MTS) sementara 10,844 pekerjaan adalah kategori pekerja berkemahiran.

Industri **Elektrikal dan Elektronik** (E&E) masih menjadi pemacu utama ekonomi Malaysia, berikutan produk E&E adalah komponen / input penting kepada sektor-sektor perkilangan yang lain dan sektor perkhidmatan. E&E telah dikenal pasti sebagai salah satu subsektor pemangkin dan berpotensi pertumbuhan tinggi '3+2' di bawah RMK11. Malaysia adalah pengeluar produk E&E bertaraf dunia; pada 2016, sektor ini merupakan penjana eksport tertinggi, dengan nilai eksport berjumlah RM287.7 bilion, iaitu 44.6 peratus daripada jumlah eksport perkilangan. Sejumlah 107 projek E&E diluluskan dengan pelaburan RM9.2 bilion, 17 daripadanya projek baharu dengan pelaburan RM1.5 bilion, sementara 90 adalah projek pembesaran/ pelbagaiaan dengan pelaburan berjumlah RM7.7 bilion.

Pelaburan yang Diluluskan Dalam Sektor Perkilangan – Sumber FDI

China, Belanda, Jerman, UK and Republik Korea adalah sumber utama FDI yang menyumbang lebih separuh daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan.



Pelabur asing menyumbang sebahagian besar daripada jumlah pelaburan iaitu RM7.9 bilion atau 86 peratus, dengan majoriti pelabur dari Jerman, United Kingdom dan China.

Subsektor elektrikal menyaksikan 44 projek diluluskan pada 2016 dengan pelaburan berjumlah RM4.3 bilion, dengan 11 projek baharu yang bakal mewujudkan 8,689 peluang pekerjaan. Subsektor ini didominasi 94.3 peratus oleh pelaburan asing berjumlah RM4.1 bilion. Antara projek signifikan yang diluluskan termasuklah: projek pembesaran syarikat milikan asing dengan pelaburan RM2 bilion untuk menghasilkan produk peralatan rumah, pencahayaan LED, pengering tangan komersial dan dua projek panel solar; sebuah projek baharu milikan syarikat asing dengan pelaburan

RM1.06 bilion untuk membuat produk bersepada solar fotovoltaik yang akan mewujudkan 2,360 peluang pekerjaan; dan sebuah lagi projek pembesaran juga milikan syarikat asing dengan pelaburan RM439.8 juta untuk membuat sel dan modul fotovoltaik, mewujudkan 1,286 peluang pekerjaan.

Sejumlah 23 projek telah diluluskan pada 2016 dengan pelaburan RM3.92 bilion dalam subsektor komponen elektronik. Pelaburan asing berjumlah RM3.34 bilion atau 85.3 peratus. Daripada 23 projek tersebut, 22 projek melibatkan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan RM3.87 bilion manakala baki ialah projek baharu dengan pelaburan RM46.4 juta. Kesemua projek tersebut dijangka mewujudkan 5,215 peluang pekerjaan. Antara projek yang signifikan termasuklah

07

Sektor Perkilangan

projek pembesaran syarikat milikan pelabur asing dengan pelaburan RM1.4 bilion untuk membuat fabrikasi wafer LED dan wafer epitaksi, serta sebuah lagi projek pembesaran dengan pelaburan RM499 juta juga dimiliki oleh entiti asing untuk membuat peranti semikonduktor bagi fabrikasi wafer.

Pada 2016, sejumlah 37 projek diluluskan dalam bidang elektronik perindustrian dengan jumlah pelaburan RM817.5 juta. 33 daripadanya ialah projek pembesaran/pelbagaiannya bernilai RM699 juta (85.5%) dan empat projek ialah projek baharu dengan pelaburan bernilai RM118.5 juta (14.5%). Subsektor ini menyaksikan pelaburan domestik bernilai RM467.8 juta. Antara projek-projek yang signifikan ialah projek pembesaran oleh syarikat milikan tempatan dengan nilai pelaburan sebanyak RM337 juta untuk membangunkan dan mengeluarkan sistem sensor pintar bagi penggunaan aplikasi *Internet of Things* (IoT) dan modul peranti Optical Touch.


Industri **peralatan pengangkutan** merangkumi subsektor automotif, aeroangkasa, pembinaan dan pembaikpulihan kapal serta rel. Industri ini terdiri di dalam jaringan penting pada industri logistik dan pengangkutan negara, dimana subsektor aeroangkasa turut dikenal pasti sebagai subsektor yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi, '3+2' di bawah RMK11. Sejumlah 68 projek telah diluluskan di bawah industri ini dengan pelaburan modal RM4.8 bilion yang dijangka mewujudkan 7,239 peluang pekerjaan. Nilai pelaburan domestik adalah berjumlah RM3.1 bilion (64.6%) sementara pelaburan asing pula RM1.7 bilion (35.4%). Daripada 68 projek tersebut, 24 ialah projek baharu manakala 44 merupakan projek pembesaran/pelbagaiannya.

Menurut Persatuan Automotif Malaysia (MAA), pengeluaran kenderaan di Malaysia pada 2016 berjumlah 545,253 unit, terdiri daripada 503,691 unit kategori kereta penumpang dan 41,562 unit kenderaan komersial. Pada 2016, sejumlah 53 projek telah diluluskan di bawah industri automotif dengan pelaburan bernilai RM2.7 bilion, sebahagian besarnya disumbangkan oleh pelaburan domestik iaitu RM1.9 bilion (70.5%). Pecahan kategori projek pula didominasi oleh projek pembesaran/pelbagaiannya bernilai RM2.2 bilion (81.4%) yang turut merangkumi sebuah projek milik syarikat usahasama entiti tempatan dan asing dengan pelaburan RM1.1 bilion yang melibatkan

pemasangan kenderaan cekap tenaga (EEV). Kesemua pelaburan yang diluluskan adalah selaras dengan Dasar Automotif Negara (NAP) yang menggalakkan syarikat tempatan dan luar negara melabur dalam aktiviti pengeluaran kenderaan EEV. Anjakan terhadap model kenderaan EEV mampu merangsang industri ini untuk terus berusaha mencapai tahap teknologi yang lebih tinggi dan mendorong menggiatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D), di samping mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan yang dapat dimanfaatkan oleh perusahaan kecil sederhana (PKS).

Pelancaran *Blueprint* atau Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 menasarkan matlamat Kerajaan untuk memacu Malaysia ke status negara peneraju aeroangkasa di Asia Tenggara dan meraih sebahagian besar pasaran global menjelang 2030. Pada 2016, sembilan projek diluluskan dengan pelaburan RM1.6 bilion dan mewujudkan kira-kira 1,766 peluang pekerjaan, dengan pelaburan domestik berjumlah sehingga RM673.9 juta (43.1%). Daripada jumlah pelaburan tersebut, tiga adalah projek baharu bernilai RM673.4 juta (43.1%) yang mana salah satunya melibatkan projek daripada sebuah syarikat baharu milikan tempatan bernilai RM53.7 juta untuk membekalkan komponen pesawat kepada beberapa syarikat Tier-1, termasuklah Boeing and Airbus. Manakala sebuah projek pembesaran/pelbagaiannya signifikan yang diluluskan milikan syarikat asing dengan pelaburan bernilai RM556 juta untuk membangunkan serta mengeluarkan kelengkapan *lifting surfaces* yang boleh alih, sistem kalis ais pesawat dan pintu pesawat.

Industri **pembinaan dan pemberkalihan kapal** pula dijangka akan menyumbang sebanyak RM6.35 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan mewujudkan 55,000 peluang pekerjaan menjelang 2020. Pada 2016, empat projek baharu diluluskan dengan pelaburan RM470.9 juta dimiliki oleh syarikat-syarikat majoriti pegangan milikan tempatan. Antara projek-projek tersebut, satu adalah projek penting yang berciri nilai ditambah tinggi diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM350 juta untuk mengusahakan reka bentuk, membangunkan serta membina kapal sokongan luar pesisiran (OSV) yang pertama direka cipta oleh sebuah syarikat majoriti pegangan milikan tempatan di Malaysia. Kejayaan ini membuktikan daya kepakaran dan kemampuan bakat tempatan dalam sektor pembinaan kapal.



Dua Sektor Dinamik : Industri Elektrik & Elektronik

Malaysia telah beroleh sebahagian besar hasil pertumbuhan ekonomi, pelaburan dan pulangan eksport daripada industri E&E. Industri yang dinamik ini berjaya mencatatkan kemajuan yang amat memberangsangkan sepanjang sepuluh tahun dahulu dan berperanan penting dalam pembangunan perniagaan baharu dan peningkatan peluang pekerjaan untuk warga Malaysia. Pada 2016, Malaysia merupakan pengekspor ketujuh terbesar produk E&E dunia, dengan menjana RM287.7 bilion; merangkumi 36 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Dengan trend eksport yang terus meningkat sepanjang tiga tahun lepas, E&E adalah satu-satunya industri yang mencatatkan dagangan lebihan untuk tempoh tiga tahun berturut-turut. Malah, industri ini menyumbang kepada 25.3 peratus agihan guna tenaga negara tahun lepas di samping menarik pelaburan asing dan domestik berjumlah RM7.9 bilion. Trend positif yang dicatatkan oleh eksport E&E Malaysia adalah sumbangan daripada permintaan global yang kukuh bagi peranti elektronik dan peningkatan eksport ke ASEAN (5.4%), terutamanya ke Singapura, Cambodia, Laos, Myanmar, Vietnam, dan Filipina.

Rantaian Nilai E&E

Bagi memastikan industri ini kekal kompetitif di peringkat global, syarikat-syarikat E&E tempatan tidak mempunyai banyak pilihan selain mempertingkatkan fasiliti mereka serta mengaplikasikan pembaharuan automasi dan perkilangan pintar seperti IoT (*Internet of Things*). Walaupun pulangan pelaburan (ROI) daripada automasi tidak diraih serta-merta, syarikat-syarikat akan memperoleh manfaat dalam jangka masa panjang disebabkan peningkatan efisiensi, penambahbaikan kualiti dan pengurangan kebergantungan terhadap tenaga buruh tidak mahir. Pada 2015, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Strategik E&E sebagai pemudah cara kepada syarikat-syarikat tempatan yang ingin menyertai rantaian nilai global dan memacu industri ini ke tahap seterusnya. Salah satu cara Malaysia dapat mengukuhkan kedudukannya di dalam rantaian nilai global adalah menerusi pelaksanaan rantaian nilai yang efisien.

Trend pengeluaran penyumberan luar dan luar pesisir yang meningkat kebelakangan ini menyaksikan perkembangan rantaian nilai di peringkat global.

Pembekal tempatan semakin mempertingkat kemahiran dan teknologi mereka dari semasa ke semasa berikutan kehadiran lebih 5,000 MNC di Malaysia. Dengan perkembangan ekonomi dan corak dagangan global yang lebih menjurus kepada penyepadan pasaran yang lebih tinggi, peluang untuk maju turut meningkat. Menyedari perkembangan ini, MIDA – di bawah Pelan Induk Industri Ketiga Malaysia (IMP3) – terus agresif memperkuuh ekosistem negara untuk pelabur dengan mempromosi seluruh rantaian nilai menurut kluster industri. Pertumbuhan industri sokongan dalam rantaian nilai akan meningkatkan daya saing dan memastikan kemapanan ekonomi. MIDA juga terus menggalakkan pembekal Malaysia untuk memperkuuh rantaian nilai agar dapat memenuhi keperluan industri nilai ditambah tinggi dan teknologi maju dalam persaingan untuk muncul sebagai juara global. Seiring kerjasama MIDA dengan MNC untuk mengenal pasti rakan kongsi penyumberan luar dan pembekal tempatan baharu, MNC turut digalakkan untuk berperanan sebagai pemangkin dan memupuk kemampuan pembekal tempatan untuk menjadi syarikat bernilai tinggi. Dengan cara ini, MNC berupaya menyempatkan proses, produk dan komponen mereka. Ini seterusnya memberi manfaat kepada SME dan pertumbuhan jangka masa panjang negara secara mampan.

Industri Semikonduktor

Industri semikonduktor global memperoleh jualan tahunan paling tinggi pernah diraih industri ini pada 2016; hasil meningkat 1.6 peratus berbanding 2015, dengan jumlah AS\$339.7 bilion. Meskipun pertumbuhan adalah perlahan pada awal 2016, momentum semakin meningkat pada pertengahan tahun susulan penggantian tambahan inventori dan penambahbaikan permintaan dan harga. Pertumbuhan pada suku keempat (12.3 peratus lebih tinggi berbanding 2015) dirangsang oleh pertumbuhan kandungan peranti teknologi semikonduktor. Kategori jualan terbesar daripada tiga segmen teratas ialah logik (27% daripada jumlah pasaran semikonduktor), diikuti oleh memori dan mikro-ICS.

Pada 2015, subsektor semikonduktor di Malaysia menyumbang lebih 40 peratus daripada jumlah eksport E&E negara. Malaysia juga merupakan peneraju lokasi pengujian dan pemasangan semikonduktor dunia, merangkumi lebih 12 peratus daripada kapasiti pemasangan global. Lebih 50 pengilang semikonduktor (kebanyakannya MNC) berada di negara ini di mana enam daripada sepuluh syarikat tersebut adalah syarikat semikonduktor terbesar dunia.



Selaku platform yang menggabungkan pemain utama industri di rantau ini, MIDA (dengan kerjasama SEMI Pte. Ltd.) telah menganjurkan acara SEMICON Asia Tenggara 2016 pada April 2016. Acara ini diadakan di Pulau Pinang untuk tahun kedua berturut-turut. Program ini mendapat sokongan padu daripada komuniti tempatan dan membolehkan peserta pameran memperluaskan serta memperkuuhkan hubungan yang dijalin pada tahun sebelumnya. Dengan menawarkan kesalinghubungan seperti ini, inisiatif dan program acara yang memfokuskan trend penting, penyelesaian reka bentuk dan perkilangan semikonduktor serta seni bina, penyelesaian proses dan cabaran industri berjaya menarik pembeli-pembeli serantau. Dianggarkan 7,500 wakil delegasi dan 200 syarikat telah bersama-sama menjayakan acara tersebut.

Statistik Dagangan Semikonduktor Dunia (WSTS) memberikan ramalan yang lebih cerah untuk 2017. Pertumbuhan terbesar diunjurkan daripada memori (pertumbuhan 13% YOY), sensor (9% YOY) dan analog (8% YOY). Kecuali berlaku penyusutan ekonomi, semua kategori dan bidang produk dijangka berkembang. Pasaran semikonduktor global diramalkan meningkat 6.5 peratus pada 2017 berbanding 1.1 peratus yang dicatatkan pada 2016. Ini menjanjikan potensi baik kepada Malaysia dan industri E&E.

Peningkatan permintaan elektronik, antara faktor utama, adalah disebabkan trend teknologi seperti Revolusi Industri Keempat, robotik dan *Internet of Things* (IoT). McKinsey Global Institute menganggarkan IoT mampu menjana nilai global antara US\$4 hingga US\$11 trilion pada 2025. Enam pasaran semikonduktor berkaitan IoT yang paling berpotensi ialah: peranti boleh pakai, aplikasi rumah pintar, elektronik perubatan, automasi perindustrian, kereta berangkaihan internet dan bandar pintar. Ketibaan IoT disambut sebagai pembangunan teknologi terbesar dalam industri ICT sejak peralihan produk elektronik daripada digital kepada analog pada tahun 1970-an. Kajian oleh Gartner meramalkan lebih 50 bilion peranti akan memperoleh kesalinghubungan menjelang 2020.

Pelaburan yang Diluluskan Dalam Sektor Perkilangan – (Industri)

Sebahagian besar pelaburan telah datang daripada Produk Petroleum, Produk Elektrikal dan Elektronik, Produk Logam Asas dan Kelengkapan Pengangkutan.



- Petroleum and Produk Petrokimia
- Produk Elektrikal dan Elektronik
- Produk Logam Asas
- Kelengkapan Pengangkutan
- Gas Asli
- Pembuatan Makanan
- Kimia dan Bahan Kimia
- Produk Mineral Bukan Logam
- Produk Getah
- Lain - lain

*angka dalam RM bilion

Tahun 2016 menyaksikan kemajuan yang ketara dalam pelaksanaan Projek Permulaan (EPP) berkaitan rel di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), khususnya projek Transit Aliran Massa (MRT), Transit Rel Ringan (LRT) dan projek laluan rel laju KL-Singapura (HSR). Dengan perkembangan ini, pelaburan baharu, khususnya dalam segmen perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikpulihan dan pengoperasian (MRO) dijangka akan meningkat apabila kesemua projek tersebut beroperasi sepenuhnya. Pelaksanaan projek HSR di antara Malaysia dan Singapura juga bakal menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara.


Sektor **Mesin dan Peralatan (M&E)** ialah salah satu jentera utama bagi memacu kejayaan Malaysia kerana ia mempunyai kesalinghubungan yang rapat dengan pelbagai segmen ekonomi yang lain yang bergantung pada produk M&E. Dari era penjenteraan (Industri 1.0) industri M&E terus berkembang meliputi era, pengeluaran secara besar-besaran (Industri 2.0), automasi industri (Industri 3.0), dan kini kearah teknologi IoT (Industri 4.0), yang merupakan sebahagian daripada evolusi perkilangan moden.

Kerajaan berusaha menggalakkan syarikat-syarikat tempatan untuk meningkatkan keupayaan masing-masing agar mampu mengikuti perkembangan

kemajuan teknologi terkini serta keperluan perkilangan merentas sektor pada masa hadapan. Justeru, industri M&E turut dikenal pasti sebagai salah satu subsektor pemangkin dan berpotensi pertumbuhan tinggi ‘3+2’ di bawah RMK11.

Pada 2016, sejumlah 88 projek M&E telah diluluskan dengan pelaburan RM1.5 bilion yang akan mewujudkan 2,866 peluang pekerjaan. Sebanyak 42 daripada jumlah projek tersebut ialah projek baharu dengan pelaburan RM819.4 juta (53.3%) manakala 46 projek selebihnya terdiri daripada projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan RM716.7 juta (46.7%). Sebahagian besar pelaburan dalam sektor ini ialah pelaburan domestik iaitu RM999.7 juta (65.1%).

Industri am M&E yang merupakan subsektor pengeluaran bahan modul, komponen dan alat ganti telah menyumbang kepada jumlah pelaburan yang tertinggi pada 2016. Sejumlah 47 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM910.2 juta, meliputi 21 projek baharu bernilai RM469.9 juta (51.6%) dan 26 projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan RM440.3 juta (48.4%). Pelaburan domestik dalam segmen ini berjumlah RM585.7 juta (64.3%).



Hentian Seterusnya: Industri 4.0

Berlatarkan perkembangan teknologi terkini, seluruh dunia sedang bersiap sedia menyambut era baharu industri yang bakal menjelma. Biarpun revolusi industri terdahulu masih terasa bahangnya, gelombang Industri 4.0 sudah menyingsing membawakan teknologi ketersambungan berdasarkan *Internet of Things* (IoT) dan perusahaan pembuatan pintar.

Peralihan industri global daripada penggunaan sistem digital yang mudah kepada penggunaan sistem inovasi yang berdasarkan gabungan pelbagai teknologi atau dikenali sebagai Revolusi Perindustrian ke-4 telah memaksa syarikat-syarikat untuk memikirkan semula cara perniagaan dijalankan. Kini, semakin banyak ekonomi dunia beralih kepada trend produksi pintar (*intelligent production*) dan penggunaan elemen-elemen industri 4.0.

Bahkan, ramai penganalisis meramalkan lebih 80 peratus syarikat global akan beralih mendigitalkan seluruh rantaian nilai mereka dalam tempoh lima tahun kelak. Apatah lagi, memandangkan pelbagai urus niaga dan kerajaan di serata dunia berlumba-lumba mengaplikasikan teknologi terbaru ini sebagai pengguna terawal, pastinya Malaysia tidak mahu ketinggalan menempa kesempatan untuk turut menyambut revolusi industri ini.

Justeru, sebagai usaha menyokong matlamat tersebut, Kerajaan Malaysia telah mengetengahkan sektor pembuatan pintar dan teknologi berdasarkan IoT sebagai antara bidang fokus di bawah Rancangan Malaysia ke-11, sekali gus menyarkan industri E&E

yang dijangka menjadi antara peneraju utama Industri 4.0 di Malaysia. Bersandarkan asas ekosistemnya yang kukuh dan rantaian nilainya yang luas, industri E&E kini membuka laluan bagi pengaplikasian teknologi baharu dan sektor pembuatan pintar di Malaysia. Industri-industri lain yang turut meneroka Industri 4.0 ini termasuklah industri kimia serta mesin dan peralatan (M&E) yang merupakan industri mapan, di samping sektor pertumbuhan berpotensi tinggi iaitu aeroangkasa dan peranti perubatan.

Selain itu, Kerajaan turut memfokuskan inisiatif-inisiatif penting, antaranya, pembangunan modal insan berkemahiran tinggi bagi memastikan bekalan pekerja mahir digital menjelang 2025 yang diunjurkan lebih sejuta orang dapat dipenuhi, serta pelbagai program penerangan bagi meningkatkan kesedaran perusahaan kecil sederhana (SME) tempatan, bertujuan untuk menyokong Malaysia mendepani gelombang Industri 4.0. Kerajaan juga sedang meneroka pembangunan infrastruktur utama dan ekosistem sokongan bagi merealisasikan matlamat Industri 4.0 melalui peruntukan berjumlah 162 juta ringgit di bawah Bajet 2017 untuk manfaat pelbagai program seperti ekosistem e-dagang, *Digital Maker Movement* dan *Hab Digital Malaysia*. Sehubungan dengan itu, Malaysia telah melancarkan Zon Perdagangan Bebas Digital baru-baru ini, yang merupakan sebuah usahasama dengan Jack Ma, pengasas syarikat Alibaba. Fasiliti ini menggabungkan zon fizikal dan maya bagi memudahkan pertumbuhan SME tempatan dengan memanfaatkan gabungan ekonomi internet dan e-dagang merentas sempadan.

Pada segmen M&E pengkhususan iaitu di bawah kategori subsektor industri khas, 32 projek telah diluluskan bernilai RM547.5 juta dengan 15 projek baharu berjumlah RM274.2 juta (50.1%). Majoriti pelaburan disumbangkan oleh syarikat-syarikat milikan tempatan, iaitu sebanyak RM385.5 juta (70.4%). Projek signifikan yang diluluskan termasuk sebuah projek pembesaran/pelbagai syarikat milikan asing yang menyumbangkan RM70 juta untuk pengeluaran mesin *die-sorter* dengan ciri khusus sambungan *machine-to-machine* ('M2M') untuk keperluan industri semikonduktor. Sebuah lagi projek yang diluluskan ialah projek pembesaran/pelbagai bernilai RM17.7 juta milik syarikat automasi tempatan di selatan Semenanjung Malaysia yang mengusahakan bahan peralatan ujian untuk peranti pintar (*smart devices*).

Industri Sokongan Kejuruteraan (ESI) dan Fabrikasi Logam merupakan teras pertumbuhan kepada industri-industri lain kerana sumbangannya kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Industri ini diiktiraf di peringkat global kerana kemampuannya untuk membekalkan pelbagai jenis produk kejuruteraan, khususnya dalam bidang kejuruteraan jitu (*precision engineering*) dan fabrikasi yang berkualiti tinggi secara konsisten, pantas dan diyakini.

Pada 2016, sejumlah 75 projek telah diluluskan dengan pelaburan RM1.4 bilion dan mewujudkan 3,718 peluang pekerjaan, merangkumi 47 projek baharu bernilai RM901.5 juta (64.2%). Pelaburan domestik berjumlah RM769.2 juta (54.8%), sementara pelaburan asing berjumlah RM635.5 juta (45.2%). Projek signifikan termasuklah projek baharu bernilai RM93.7 juta milik syarikat asing untuk mengeluarkan komponen optik disalut serta mengusahakan aktiviti *physical vapour deposition coating*. Projek ini ialah projek pertama syarikat tersebut di luar sempadan Eropah dan bakal memanfaatkan tenaga kerja tempatan (99 peratus) dengan 61 peratus daripadanya tergolong di dalam kategori MTS dan kejuruteraan.

Sebagai menyokong industri aeroangkasa, sebuah syarikat tempatan bertaraf Tier-3 telah menyuntik pelaburan yang signifikan bernilai RM27 juta. Syarikat ini memperluaskan perusahaannya untuk mengeluarkan acuan, alat lekapan serta peralatan menyokong pembuatan dan pemesinan alat ganti bahagian pesawat dan bukan pesawat, disamping mempunyai senarai

pelanggan yang terdiri daripada syarikat-syarikat industri aeroangkasa yang utama di Malaysia. Syarikat ini juga bakal muncul sebagai pengeluar tunggal di negara yang mengeluarkan produk acuan invar untuk pelbagai produk berdasarkan komposit.

Industri besi dan keluli Malaysia meliputi aktiviti pengeluaran logam ferus (besi dan keluli) dan bukan ferus, dan merentas keseluruhan rantai nilai, daripada peringkat huluan sehingga hiliran. Sektor ini membekalkan bahan mentah dan produk fabrikasi logam yang diperlukan oleh industri perkilangan yang lain.

Di bawah **produk logam asas**, sejumlah 19 projek telah diluluskan pada 2016 bernilai RM4.9 bilion. Daripada jumlah tersebut, lapan ialah projek baharu bernilai RM400 juta dan 11 projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan RM4.5 bilion. Kesemua projek tersebut bakal mewujudkan 3,345 peluang pekerjaan.

Projek signifikan yang diluluskan termasuklah projek pembesaran/pelbagai bernilai RM2.2 bilion dimiliki syarikat majoriti pegangan tempatan yang berlokasi di Sarawak. Syarikat ini akan mengembangkan fasilitinya untuk mengeluarkan jongkong aluminium dan jongkong aloy aluminium dan akan melebarkan operasinya kepada produk tahap pertengahan rantaian nilai (*midstream*) bagi menghasilkan rod wayar aluminium dan rod wayar aloy aluminium. Sebuah lagi projek pelbagai dimiliki syarikat majoriti pegangan tempatan dengan nilai pelaburan tambahan RM1.9 bilion untuk mengeluarkan bilet ferus nikel, bilet keluli tahan karat, gegelung keluli tahan karat tergelek panas (*stainless-steel hot-rolled strips*), tar batu arang dan ketulan kok separa kasar (*semi-coke lump*), di samping memperbaharui fasiliti pengeluaran yang sedia ada di Telok Kalong, Kemaman, Terengganu bagi mengeluarkan produk keluli karbon rentang panjang (*long carbon steel products*).

Industri tekstil dan produk tekstil meliputi aktiviti huluan (tekstil primer) dan aktiviti hiliran (pakaian, produk tekstil dan aksesori tekstil). Industri ini juga sedang beralih kepada kaedah perkilangan pintar dan lebih mampan. Pada 2016, industri ini mengekalkan kedudukannya sebagai penjana hasil eksport yang ke-10 terbesar dalam negara dengan jumlah eksport RM12.6 bilion. Sejumlah lapan projek telah diluluskan dengan nilai dana RM763.4 juta, empat daripadanya projek baharu (RM456 juta). Pelaburan domestik mendahului

07

Sektor Perkilangan

pelaburan asing, masing-masing mencatatkan RM401 juta (52.5%) dan RM362.4 juta (47.5%).

Sebuah projek penting di bawah industri ini yang diluluskan pada 2016 bernilai RM410 juta, dimiliki syarikat majoriti pegangan tempatan untuk mengusahakan pengeluaran fabrik poliester yang dikait (*knitted*). Oleh yang demikian pelaburan dibuat bagi membeli mesin-mesin berteknologi tinggi dan terbaru dari Jerman serta fasiliti mesra alam untuk tujuan mengait, mencelup dan menyiapkan pakaian berkualiti tinggi.

Industri mineral bukan logam merupakan penjana hasil eksport ke-15 terbesar negara, dengan nilai eksport berjumlah RM5.6 bilion. Industri ini terdiri daripada produk seramik, produk berasaskan tanah liat, simen dan produk konkrit, produk kaca dan lain-lain produk galian bukan logam seperti kapur, barite, marmar, granit dan komponen Sistem Binaan Berindustri (*Industrialised Building System, IBS*). Disebabkan IBS ialah ekosistem pembinaan yang berciri moden dan menyeluruh, MIDA akan terus menggalakkan pengeluar untuk menghasilkan bahan-bahan, alat ganti dan komponen untuk sistem ini bagi membantu industri pembinaan mengurangkan kebergantungannya pada tenaga kerja asing berkemahiran rendah. Pada 2016, eksport utama industri termasuklah produk mineral (RM2.3 bilion); kaca dan barang kaca (RM1.9 bilion) serta kapur, simen dan bahan binaan fabrikasi (RM772.3 juta). Sejumlah 34 projek dengan nilai pelaburan RM3 bilion telah diluluskan pada 2016, yang turut merangkumi 16 projek baharu bernilai RM2.3 bilion. Pelaburan asing mengatasi pelaburan domestik, masing-masing mencatatkan RM1.9 bilion (64.1%) dan RM1.1 bilion (35.9%).

Di bawah RMK11, **industri peranti perubatan** yang dianggarkan bernilai AS\$324 bilion pada tahap global dalam tahun 2015 telah disasarkan sebagai salah satu subsektor pemangkin dan berpotensi pertumbuhan tinggi '3+2' yang akan menyumbang kepada peningkatan pekerjaan berkualiti dan berkemahiran tinggi di Malaysia. Kaji selidik Persatuan Industri Perubatan Malaysia (AMMI) menunjukkan lebih 90 peratus peranti perubatan buatan Malaysia ialah produk eksport, khususnya ke Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Dengan itu, pertumbuhan yang dicapai oleh 200 pengeluar peranti perubatan di Malaysia ketika ini akan merealisasikan sasaran RMK11 dengan lebih pantas.

“Di bawah 11MP, industri peranti perubatan yang dianggarkan bernilai US\$324 bilion pada tahap global dalam tahun 2015 telah disasarkan sebagai subsektor pemangkin ‘3+2’ dengan potensi pertumbuhan tinggi dan meningkatkan pekerjaan berkualiti dan berkemahiran tinggi di Malaysia.”

Pada 2016, eksport peranti perubatan berjumlah RM15.8 bilion dimana separuh daripadanya (RM7.9 bilion) ialah produk sarung tangan perubatan. Eksport utama yang lain termasuklah perkakas dan peralatan yang digunakan dalam bidang perubatan, pembedahan, pergigian dan sains veterinar (RM2.5 bilion), diikuti oleh produk tiub pakai buang bagi bendalir intravena dan kanula (RM1.9 bilion).

Pada 2016, 41 projek dengan nilai pelaburan RM2.9 bilion diluluskan dengan penawaran 7,386 peluang pekerjaan yang merangkumi 1,082 pekerjaan di bawah kategori MTS dan 380 di bawah kategori berpendapatan minimum RM5,000 sebulan. Pelaburan asing mengatasi pelaburan domestik, masing-masing mencatatkan RM1.6 bilion (55.4%) dan RM1.3 bilion (44.6%). Daripada jumlah projek yang diluluskan, 26 melibatkan pembesaran/pelbagai dengan nilai RM1.6 bilion (56.6%). Sebanyak 30 projek daripada kesemua projek yang diluluskan berorientasikan eksport (peratusan eksport melebihi 80 peratus). 37 projek daripada kesemua projek yang diluluskan (90.2%) akan mengeluarkan peranti perubatan bernilai tinggi dengan nilai tambahan produk melebihi 40 peratus.

Projek yang signifikan termasuklah sebuah projek pelbagai bagi menghasilkan peranti perubatan, komponen dan alat ganti untuk pasaran eksport bagi tujuan bidang kardiologi, kardiovaskular dan neurologi. Fasiliti ini adalah yang pertama seumpamanya di rantau Asia, dan berupaya menawarkan peluang perniagaan yang berpotensi tinggi dari aspek penjenamaan dan promosi.



Industri Peranti Perubatan

D i peringkat global, nilai pasaran peranti perubatan mencecah AS\$324.3 bilion pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, nilai pasaran rantau Asia Pasifik adalah berjumlah AS\$65.5 bilion (20%) daripada pasaran global. Nilai ini dijangka akan terus meningkat pada tahun-tahun akan datang.

Industri peranti perubatan di Malaysia telah dikenal pasti sebagai sektor pemangkin dan bidang pertumbuhan berpotensi tinggi berdasarkan profil prestasinya yang cemerlang. Dalam tempoh empat tahun, eksport industri ini telah mencatat RM11.9 bilion pada tahun 2011 dan meningkat kepada RM15.8 bilion pada tahun 2016. Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun merupakan negara pengimpor utama bagi produk peranti perubatan buatan Malaysia. Produk yang diimport termasuk: sarung tangan perubatan, kateter, picagari, jarum suntik dan sutures, kelengkapan perubatan elektro, kanta oftalmik serta peranti ortopedik.

Nilai pelaburan yang diluluskan dalam sektor ini juga meningkat dari tahun ke tahun, dengan mencatat RM1.8 bilion pada tahun 2015, kepada RM2.9 bilion pada tahun 2016.

Sektor perkilangan peranti perubatan Malaysia mempunyai infrastruktur dan sokongan yang kukuh daripada industri-industri yang berkaitan dan rakan niaga sektor perkilangan lain yang sedia ada. Kerajaan menerusi program NKEA Penjagaan Kesihatan memberi penekanan khusus kepada industri ini melalui pelaksanaan lapan Projek Permulaan (EPP). Projek-projek tersebut dijangka mampu menjana hasil pendapatan berjumlah RM17.1 bilion, dan menyumbang RM11.4 bilion kepada Keuntungan Negara Kasar, serta mewujudkan 86,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Projek-projek ini, antara lain:

- Mempertingkatkan industri in-vitro diagnostic (IVD) di Malaysia;
- Membangunkan produk teras peranti perubatan pakai buang (SUD);
- Membangunkan peneraju dalam sektor pembuatan kontrak peranti perubatan bernilai tinggi;
- Mewujudkan peneraju peranti klinikal Malaysia;
- Menyelaraskan rantaian bekalan peralatan perubatan;
- menjadi 'Hab Pembuatan Peranti Perubatan Bernilai Tinggi';
- Membangunkan kluster perkakasan dan perabot perubatan; dan
- Membangunkan produk rawatan buah pinggang

Selari dengan perkembangan tersebut, industri peranti perubatan turut dikenalpasti sebagai satu daripada bidang yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, dan telah dikenal pasti sebagai industri yang berupaya memacu sektor pembuatan untuk mengeluarkan produk yang lebih berintensifkan teknologi dan bernilai ditambah tinggi.

Dalam usaha meningkatkan nama Malaysia sebagai pengeluar peranti perubatan yang handal di pasaran global, Malaysia telah menguatkuasakan Akta Peranti Perubatan 2012 bertujuan melindungi pesakit dan pengguna lain daripada risiko peranti perubatan substandard dan tidak diluluskan oleh jabatan yang berkenaan. Di bawah Akta tersebut, pihak pengeluar dan pengimport produk perlu mendaftar dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan terlebih dahulu, iaitu badan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memantau kegiatan industri peranti perubatan negara.

07

Sektor Perkilangan

Sementara itu, industri **farmaseutikal** telah melonjak berlipat ganda dalam pasaran global, dengan saiz pasaran dianggarkan US\$1.2 trillion pada tahun 2016. Ketika ini, produk farmaseutikal yang dihasilkan di Malaysia memfokuskan ubatan generik, namun, pengeluar dilihat semakin beralih kepada pengeluaran produk nilai bertambah tinggi.

Pada 2016, sejumlah sembilan projek telah diluluskan dengan pelaburan RM916.3 juta. Projek-projek tersebut dijangka mewujudkan 570 peluang pekerjaan tambahan. Sebanyak lima projek membabitkan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan RM723.6 juta (68.1%), sementara empat lagi ialah projek baharu dengan pelaburan RM292.7 juta (31.9%). Pelaburan asing berjumlah RM644.2 juta (70.3%).

Antara projek signifikan yang diluluskan termasuklah sebuah projek syarikat milikan asing dengan jumlah pelaburan melebihi RM1 bilion untuk menghasilkan insulin related drugs dan monoclonal antibodies serta recombinant human insulin yang merupakan pengeluaran yang pertama seumpamanya di Malaysia. Projek ini juga menyediakan pusat R&D berintegrasi serba lengkap dengan tenaga kerjanya merangkumi 40 saintis warganegara Malaysia untuk mempercepat penerokaan dan penyelidikan ubatan dan membangunkan produk biofarmaseutikal biosimilars. Ini adalah antara usaha untuk menggalakkan pertumbuhan dan penyelidikan bioteknologi di Malaysia. Sebuah lagi projek penting iaitu milikan syarikat asing dengan pelaburan bernilai RM201 juta adalah bagi menghasilkan ubatan generik dan merupakan projek farmaseutikal pertama seumpamanya yang berjaya menembusi pasaran Amerika Syarikat.

Sektor **bioteknologi** Malaysia semakin menunjukkan potensi yang luas berasaskan pengiktirafan Program Persekutuan Bangsa-bangsa Bersatu (UNEP) yang menyenaraikan Malaysia sebagai salah satu 17 negara terkaya di dunia dari segi kepelbagaian sumber alam dan spesies bumi. Ini bererti bahawa negara amat berpotensi untuk menyerahkan manfaat biodiversiti ini untuk generasi akan datang. Pada 2016, sejumlah 18 projek bioteknologi dianugerahkan status Bionexus manakala empat projek diberikan kelulusan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasaran Perindustrian 1975, dengan jumlah keseluruhan pelaburan bernilai RM464.9 juta. Pelaburan baharu dalam sektor ini telah

meningkat, khususnya daripada pelabur domestik dengan sumbangan berjumlah RM408.1 juta (87.8%) pada tahun 2016.

Antara projek penting yang diluluskan ialah projek baharu oleh syarikat milikan tempatan dengan pelaburan RM35.9 juta untuk mengeluarkan produk perubatan berasaskan biologi dan regeneratif serta produk derivatif. Projek yang menggunakan teknologi sel induk (*stem cell*) untuk rawatan terapeutik ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia. Projek ini bakal mewujudkan sebuah platform baharu bagi menjalankan kerjasama antara syarikat terbabit dengan beberapa universiti tempatan terpilih bagi tujuan R&D serta penghasilan produk berasaskan stem induk.

Sektor **pertanian** Malaysia merangkumi segmen akuakultur, perikanan laut; perusahaan hasil tani, buah-buahan dan sayur-sayuran; florikultur; penternakan ikan hiasan; penternakan haiwan; dan apikultur. Sektor pertanian menjanjikan potensi yang amat memberangsangkan dan merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara berlatarkan nilai dagangan produk perniagaan tani yang melonjak secara signifikan sejak 1990-an. Dengan strategi yang digariskan oleh RMK11, sektor pertanian dijangka mampu meningkat sehingga 3.5 peratus setahun dan menyumbangkan 8.2 peratus KNK. Subsektor agromakanan dijangka berkembang 5.4 peratus setahun dengan sumbangan utama daripada perusahaan haiwan ternak, akuakultur dan hortikultur. Subsektor ini sedang ditransformasi kepada industri berpendapatan tinggi dan mampan susulan usaha R&D yang inovatif dan pelbagai inisiatif pemodenan yang lain.

Pada 2016, sejumlah 16 projek pertanian diluluskan dengan pelaburan RM69.4 juta, kesemuanya disumbangkan oleh pelabur tempatan dengan merangkumi enam projek baharu dan sepuluh projek pembesaran/pelbagai.

Subsektor pemprosesan makanan ialah industri nilai ditambah berasaskan produk pertanian dan hortikultur yang semakin membangun dari aspek kepentingannya kepada ekonomi negara. Pada 2016, Malaysia ialah negara pengeksport bersih produk makanan dengan nilai RM18.4 bilion, berbanding nilai import produk makanan iaitu RM17.1 bilion.



Sejumlah 46 projek diluluskan pada 2016 dengan pelaburan RM2.4 bilion, mewujudkan 5,904 peluang pekerjaan, dan didominasi pelaburan domestik iaitu RM1.8 bilion (75%). Salah satu projek yang signifikan ialah projek baharu oleh syarikat milikan tempatan dengan pelaburan bernilai RM1.3 bilion untuk mengusahakan penternakan udang secara bersepadu dan pemprosesan udang beku yang disokong oleh fasiliti R&D di Pitas, Sabah. Syarikat tersebut dikenal pasti sebagai salah satu syarikat peneraju di bawah 'EPP 6: Model Penternakan Akuakultur Bersepadu untuk Menembusi Pasaran Udang Premium (IZAQ)' dan menyasarkan matlamat untuk menembusi pasaran udang premium. Projek ini menjanjikan 3,800 peluang pekerjaan.

Berasaskan peranannya sebagai salah satu teras ekonomi negara selama ini, **industri minyak sawit** masih merupakan antara komoditi terpenting negara dari aspek penjanaan pendapatan. Industri ini ialah penyumbang ke-4 terbesar kepada ekonomi Malaysia dan berperanan sebagai penyumbang penting kepada industri oleokimia dan pelbagai industri berkaitan.

Negeri pengeluar utama minyak sawit di Malaysia ialah Sabah, Sarawak dan Johor.

Pada 2016, sejumlah 44 projek diluluskan dengan nilai pelaburan RM2.12 bilion untuk menghasilkan produk minyak sawit dan sebahagian besar sumbangan disuntik oleh pelaburan asing, iaitu RM1.3 bilion, atau 61.3 peratus. Dari segi pecahan pelaburan, minyak sawit dan minyak isirung sawit mencatatkan pelaburan tertinggi (RM949.7 juta), diikuti dengan oleokimia (RM557.1 juta), projek penjanaan tenaga dari biojisim sawit (RM335.8 juta) dan disusuli dengan produk berdasarkan biojisim sawit (RM275.7 juta).

Pada 2016, sembilan projek telah diluluskan untuk perusahaan produk minyak sawit dan minyak isirung sawit dengan pelaburan RM949.7 juta, merangkumi empat projek baharu dan lima projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan asing berjumlah RM635.2 juta yang merangkumi sebuah projek baharu bernilai RM308.7 juta dimiliki sebuah syarikat milikan Itali.

07

Sektor Perkilangan

Projek ini menghasilkan produk minyak sawit nilai di tambah tinggi iaitu pengganti lemak koko (cocoa butter substitute). Ini adalah pertama kali syarikat terbabit melaksanakan operasinya di luar sempadan Itali.

Di bawah subsektor biojisim sawit, 14 projek diluluskan pada 2016 bernilai RM275.6 juta, dengan pelaburan domestik berjumlah RM175.4 juta dan selebihnya, iaitu RM100.2 juta ialah sumbangan pelabur asing.

Dalam **industri petroleum dan petrokimia** pula, sejumlah 20 projek diluluskan pada 2016 dengan pelaburan RM24.7 bilion. Projek-projek ini merangkumi sepuluh projek baharu bernilai RM24.7 bilion dan sepuluh lagi projek pembesaran/pelbaigan bernilai RM8.1 bilion, yang membuka 963 peluang pekerjaan. Walaupun Kerajaan giat mendorong pertumbuhan sektor-sektor ekonomi lain sebagai usaha untuk mengurangkan kebergantungan terhadap hasil minyak dan gas, sektor ini masih berperanan penting dalam aspek ekonomi negara. Industri ini bukan sahaja memfokuskan penghasilan gas asli, produk petroleum dan petrokimia, bahkan menjadi sumber bekalan yang berterusan bagi pelbagai sektor perkilangan yang lain.

Pertumbuhan stabil yang disaksikan dalam industri petrokimia turut didorong oleh Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) yang sedang dibangunkan mengikut jadual. Pada 2016, empat projek Pembangunan Bersepadu Petrokimia dan Loji Penapisan (RAPID) dan fasiliti berkaitan – meliputi loji penjanaan bersama (cogeneration), terminal pengegasan semula (regasification) dan terminal penyimpanan – telah mendapat kelulusan untuk melengkapkan ekosistem RAPID dan turut meraih RM18.8 bilion pelaburan domestik dan RM2.6 bilion daripada pelabur asing.

Projek RAPID PETRONAS yang bernilai RM60 bilion di Pengerang untuk membangunkan kapasiti penapisan sehingga 300,000 tong sehari dijangka dapat menonjolkan kepakaran Malaysia dalam industri kimia dan memberikan nafas baharu kepada industri ini di dalam negara dan juga di Asia Tenggara. Fasiliti ini mampu mengeluarkan komoditi dan etilena terbeza (*differentiated ethylene*) premium, polimer berdasarkan propilena dan juga produk glikol. Sebuah lagi projek petrokimia yang diluluskan pada 2016 dan dianggap signifikan bernilai RM1.5 bilion ialah projek pembesaran/pelbaigan oleh sebuah syarikat induk asing.

Industri kimia dan produk kimia ialah industri penting di Malaysia dan dikenal pasti sebagai sektor pemangkin dan berpotensi pertumbuhan tinggi ‘3+2’ di bawah RMK11. Industri ini merangkumi pelbagai jenis produk, termasuk kimia agrikultur, gas perindustrian, kimia tak organik, cat, sabun dan detergen, kosmetik dan bahan jagaan diri serta subsektor kimia yang lain. Produk industri ini menjadi komponen penting dalam pelbagai industri seperti E&E, automotif, minyak dan gas, farmaseutikal, pembinaan dan lain-lain. Sejumlah 38 projek telah diluluskan pada 2016 dengan pelaburan RM1.36 bilion, termasuk 18 projek baharu (RM635 juta) dan selebihnya projek pembesaran/pelbaigan (RM729 juta). Pelaburan tempatan berjumlah RM1.14 bilion (83.9%), dan kesemua projek yang diluluskan ini mewujudkan 1,338 peluang pekerjaan.

Di bawah subsektor plastik, 46 projek telah diluluskan pada 2016 bernilai RM1.55 bilion, merangkumi 24 projek baharu berjumlah RM1.25 bilion dan selebihnya projek pembesaran/pelbaigan dengan pelaburan RM303.3 juta. Sebanyak 25 projek diusahakan oleh syarikat milikan tempatan (RM318.8 juta), 12 projek oleh syarikat milikan asing (RM1.03 bilion), manakala sembilan projek selebihnya ialah syarikat usahasama (RM204.2 juta). Sebanyak 3,015 peluang pekerjaan akan dibuka daripada projek-projek tersebut.

Pelaksanaan EPP6 di bawah ‘Bidang Ekonomi Utama Negara (ETP) Minyak Sawit’ untuk melonjakkan subsektor oleokimia ke tahap rantaian nilai yang lebih tinggi semakin membawaikan hasil. Sebagai salah satu pengeluar derivatif oleokimia asas terbesar dunia, Malaysia semakin beralih kepada pengeluaran derivatif oleokimia dan bahan biokimia nilai ditambah tinggi. Pada 2016, sembilan projek **oleokimia** telah diluluskan bernilai RM580 juta dan mewujudkan 372 peluang pekerjaan, dengan empat daripadanya projek baharu. Pelaburan asing mendahului pelaburan domestik dalam sektor ini, masing-masing mencatatkan RM463 juta (lebih 80%) dan RM117 juta.

Industri **produk getah** Malaysia telah melalui peralihan sepanjang sejarah perusahaannya, daripada pengeluaran bahan mentah kepada pemprosesan produk getah yang bercirikan nilai ditambah tinggi, penggunaan sistem automasi, teknologi yang lebih baik serta bersih. Justeru, industri ini kekal relevan biarpun pasaran terkini sudah banyak berubah.



Pada 2016, 13 projek diluluskan dengan pelaburan RM1.09 bilion, meliputi lapan projek baharu dengan pelaburan RM674 juta, dan lima projek pembesaran/pelbagaiannya bernilai RM414 juta. Pelaburan asing meraih pecahan majoriti dengan pelaburan RM864 juta. Kesemua projek tersebut dijangka membuka 2,275 peluang pekerjaan.

Industri kayu dan produk kayu Malaysia semakin terserlah sebagai satu daripada subsektor terpenting negara sepanjang tempoh dua dekad yang lalu. Industri ini banyak didukung oleh pengusaha tempatan dan didominasi oleh pengusaha berskala rendah dan sederhana (87%). Pada 2016, sejumlah 57 projek diluluskan dengan pelaburan RM678.1 juta, terdiri daripada 41 projek baharu bernilai RM560.8 juta dan 16 projek pembesaran/pelbagaiannya bernilai RM117.3 juta.

Dalam sektor ini, pelaburan domestik melebihi pelaburan asing, dengan masing-masing mencatatkan RM526.3 juta dan RM117.3 juta. Projek-projek tersebut bakal menawarkan 2,579 peluang pekerjaan.

Pada 2016, industri perabot berjaya memperoleh pelaburan tertinggi dengan mencatatkan RM160.7 juta. Sejumlah 25 projek diluluskan, merangkumi 15 projek baharu bernilai RM87.2 juta, dan projek-projek selebihnya ialah projek pembesaran/pelbagaiannya dengan pelaburan RM73.5 juta. Subsektor produk panel dan kumai, serta subsektor pertukangan kayu dan tanggam masing-masing meraih enam projek (bernilai RM73.3 juta) dan dua projek (bernilai RM77.9 juta). Selain itu, 24 projek telah diluluskan bernilai RM366.2 juta untuk penghasilan produk dan bahan berdasarkan kayu termasuk pelet kayu, kayu gergaji dan sisa pertanian.

Industri kertas, percetakan dan penerbitan di Malaysia merangkumi penghasilan produk pulpa, kertas, produk kertas, aktiviti percetakan dan penerbitan. Penghasilan kertas kini dibuat di 23 kilang kertas yang terdiri daripada pengusaha kecil dan sederhana tempatan. Syarikat-syarikat ini mampu menampung kapasiti pengeluaran sehingga 1.9 tan metrik setahun dan menyediakan lebih 5,000 peluang pekerjaan.

07

Sektor Perkilangan

Pada 2016, sejumlah 15 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM361.8 juta, merangkumi lapan projek pembesaran/pelbagai bernalih RM209.5 juta (58%) sementara tujuh daripadanya ialah projek baharu bernalih RM152.3 juta (42%). Pelaburan domestik mendominasi subsektor ini dengan pelaburan sebanyak RM310.6 juta (86%), sementara pelaburan asing berjumlah RM51.2 juta (14%). Kesemua projek tersebut dijangka mewujudkan 906 peluang pekerjaan.

Perspektif

Menurut kajian yang dijalankan oleh Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), ekonomi global dijangka berkembang sebanyak 3.4 peratus pada tahun 2017 didorong oleh pasaran baru muncul dan pasaran ekonomi membangun. Ini disokong dengan jangkaan bahawa GDP rantau ASEAN akan meningkat sebanyak 4.6 peratus pada 2017 di mana Malaysia memainkan peranan penting sebagai pintu masuk ke rantau tersebut seperti mana diakui oleh negara-negara seperti China dan Poland.

Selari dengan perkembangan ini, Malaysia kini beralih perhatian daripada industri perkilangan berintensifkan buruh kepada aktiviti perkilangan pintar. Sejajar dengan Rancangan Malaysia ke-11, MIDA mempertingkatkan usaha untuk menarik pelaburan dalam pembuatan produk niche dan produk yang lebih kompleks di dalam tiga subsektor pemungkin, iaitu Kimia, E&E dan Mesin & Peralatan (M&E) serta dua industri yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi iaitu Peranti Perubatan dan Aeroangkasa. Adalah dijangka subsektor '3+2' ini mampu meningkatkan hasil eksport sektor perkilangan tempatan.

Sebagai usaha bagi memperkuuh daya saing sektor ini, para pengilang Malaysia turut memanfaatkan teknologi semasa dan teknologi baru untuk meningkatkan kepekaan dan kemahiran di dalam ekonomi digital serta ekonomi berdasarkan pengetahuan. Sebagai contoh, industri farmaseutikal Malaysia kini mula beralih daripada pembuatan ubatan generik kepada ubatan yang lebih kompleks. Anjakan paradigma ini memerlukan kepelbagaian kepakaran modal insan tempatan di samping inisiatif untuk mempergatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara.

Di samping itu juga, industri M&E Malaysia menyaksikan lebih ramai pengilang kontrak yang kini menjadi pengilang peralatan asli (*Original Equipment Manufacturers, OEM*) dan semakin banyak pelaburan disalurkan untuk tujuan R&D, reka bentuk kejuruteraan, inovasi dan penyepadan sistem. Berikutan itu, eksport M&E dijangka mencecah RM43 bilion menjelang 2020. Dengan bersandarkan sumber tenaga kerja berkemahiran tinggi sedia ada, perundangan harta intelek yang teguh dan industri perusahaan kecil yang menawarkan perkhidmatan penyelesaian secara menyeluruh, Malaysia kekal menjadi lokasi pilihan bagi sektor M&E.

Potensi yang menanti Malaysia dalam sektor perkilangan amat cerah biarpun perlu mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan. Matlamat untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 akan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia di negara-negara serantau dan global.

08 MELONJAKKAN MALAYSIA

MIDA terus ke hadapan dalam persaingan ke arah mendapatkan pelaburan baharu dan pelaburan semula



Pada 2016, MIDA komited meneruskan misinya bagi mempromosikan Malaysia kepada dunia, memastikan pelabur dari dalam dan luar negara diberi saluran komunikasi yang terbuka dan khidmat sokongan.

Bagi menyokong pihak berkepentingan, MIDA menganjurkan seminar, taklimat dan mesyuarat meja bulat bagi mengatasi isu-isu yang berbangkit berkenaan dasar kerajaan dan pelaburan. Dengan melaksanakan pendekatan sasaran, MIDA berjaya menarik pelaburan berkualiti dalam teknologi baharu dan sedang muncul yang akan membantu memacu Malaysia ke arah status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Persaingan yang sengit di dalam menarik pelaburan asing daripada negara maju dan membangun, MIDA telah memperkuuhkan dasar sokongan penarikan pelaburannya bagi membolehkan Kerajaan merangka dasar dan strategi yang memenuhi keperluan pelabur domestik dan asing. MIDA terus menerajui agenda pelaburan negara, mengambil pendekatan strategik terhadap ekosistem perniagaan dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti, kesemuanya bertujuan untuk melangsungkan agenda Malaysia dalam peralihan daripada ekonomi berasaskan sumber asli kepada negara berindustri dan berorientasikan perkhidmatan.

Tahun 2016 menyaksikan MIDA melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk mempromosi dan menarik pelaburan asing bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. Aktiviti-aktiviti ini termasuk Misi Dagangan dan Pelaburan (TIM), Mesyuarat Meja Bulat dan Mini Seminar, Misi Projek Khas (SPM), Seminar/Forum/Dialog Antarabangsa dengan dewan perniagaan asing, pengiklanan dan terbitan iklan. Program-program ini disasarkan untuk menarik pelaburan baharu di samping menggalakkan pelaburan semula (pembesaran dan pelbagaian), khususnya dalam industri berteknologi tinggi, intensif modal, intensif pengetahuan dan nilai ditambah tinggi. Ini adalah sejajar dengan Model Ekonomi Baru (NEM) dan sasaran yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). MIDA juga mengadakan taklimat untuk wakil delegasi asing, sektor swasta, pertubuhan industri, dewan perniagaan, dan agensi kerajaan bagi memaklumkan perkembangan terkini tentang dasar, insentif dan persekitaran perniagaan di Malaysia.

Sepanjang tahun ini, MIDA menerima 1,070 pertanyaan daripada syarikat asing dan tempatan membabitkan penubuhan projek perkilangan dan perkhidmatan. MIDA turut menerima lebih 400 kunjungan daripada delegasi asing dan pelabur luar negara. Dari ASEAN, merentasi Eropah sehingga Timur Tengah dan Asia Timur, pegawai MIDA berdedikasi di dalam misi mempereratkan hubungan dengan pihak berkepentingan dan meneroka peluang untuk pelaburan.

Merentasi Sempadan

Malaysia senantiasa memandang penting akan aliran pelaburan asing yang kukuh. Dengan aliran masuk FDI pada 2016 menyusut sebanyak 13 peratus, MIDA berdepan dengan cabaran untuk mengekalkan tarikan negara kepada pelabur asing. Dalam usahanya untuk mempromosi aliran FDI berkualiti tinggi dan mampan, MIDA menganjurkan dan menyertai tujuh TIM di luar negara pada 2016. Misi perdagangan dan pelaburan ini melibatkan pihak kerajaan persekutuan dan negeri, koridor ekonomi serantau dan wakil sektor swasta.

Objektif utama TIM adalah memaklumkan kepada pelabur-pelabur asing tentang iklim perniagaan terkini, sambil meningkat dan menggalakkan peluang-peluang perniagaan serta perkongsian di Malaysia. Setiap TIM merangkumi seminar mengenai peluang perniagaan dan pelaburan, mesyuarat meja bulat, mesyuarat pemadanan perniagaan dan sesi perangkaian .

Selain pelaksanaan TIM yang menyasarkan objektif tersebut, MIDA turut terlibat di dalam menganjurkan pelbagai program antarabangsa lain seperti seminar, mesyuarat meja bulat, perhimpunan tertutup dan kunjungan ke syarikat-syarikat seiring dengan lawatan rasmi oleh YAB Perdana Menteri,; YAB Timbalan Perdana Menteri,; YB Menteri MITI,; YB Timbalan Menteri MITI; dan Ketua Pegawai Eksekutif MIDA. Tahun ini diselingi pelbagai aktiviti, dengan penyertaan MIDA dalam 23 acara di peringkat antarabangsa dari Januari sehingga Disember.



World Halal Forum (WHF) yang di adakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dari 30-31 Mac 2016

Ini termasuklah lawatan ke acara perdagangan global – termasuk Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland; Forum Ekonomi Islam Dunia tentang ASEAN dan Forum Ekonomi Islam Dunia ke-12 di Jakarta, Indonesia; Ekspo China-ASEAN ke-13 di Nanjing, China; dan *Business Summit Sweden-Asia Tenggara 2016* – serta lawatan kerja dan mesyuarat meja bulat ke ekonomi utama seperti Indonesia, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Republik Korea, Jepun, Singapura, China, United Kingdom, Perancis, dan Australia. MIDA juga menganjurkan dan menyertai 33 Seminar Antarabangsa, Forum dan Taklimat, termasuk Forum Pelaburan Malaysia, “*Business Opportunities in the Changing Economic Landscape*” di London, UK (bersempena dengan Program Promosi Malaysia 2016, UK); Ekspo Halal Korea 2016 di Seoul, Korea; dan *MIDA-EDB 8th Industrial Cooperation Working Group*, dan Misi Perniagaan Teknologi Tenaga Hijau (EU Business Avenue) di Kuala Lumpur, Malaysia.

MIDA juga menganjurkan sejumlah empat SPM luar negara pada 2016, untuk menyasarkan syarikat-syarikat terpilih di negara-negara tertentu. Misi SPM tersebut tertumpu secara khusus kepada syarikat-syarikat berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan industri nilai ditambah tinggi.

Pelaburan dalam Negara

Pelaburan domestik terus menjadi pemacu utama ekonomi negara. Pada 2016, pelaburan domestik berjumlah RM148.9 bilion, meliputi 72 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan. Oleh itu, MIDA terus memberi keutamaan di dalam membantu pelabur tempatan dan entiti perniagaan tempatan untuk berkembang dan maju.

08

Aktiviti MIDA

MIDA meneruskan peranannya sebagai fasilitator dengan memberikan sokongan kepada pelabur tempatan sepanjang tahun ini seperti mengadakan beberapa seminar, bengkel dan aktiviti lain. Ini termasuklah sepuluh seminar industri spesifik, bengkel dan klinik perniagaan yang meliputi industri utama negara termasuk, sumber lestari, aeroangkasa, elektrik dan elektronik, teknologi pembinaan, farmaseutikal, biojisim, dan peranti perubatan. MIDA melaksanakan aktiviti-aktiviti ini dengan matlamat utama untuk menyebarkan maklumat mengenai peluang perniagaan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, selain memudahkan jalinan rangkaian dan hubungan perniagaan.

MIDA turut menganjurkan empat seminar perniagaan dan persidangan di bawah program 'Grow With Us'. Program yang disasarkan kepada SME, persatuan industri dan dewan perniagaan tempatan ini menggalakkan usahawan tempatan untuk meneroka akses pasaran yang lebih luas; mempelbagaikan produk

dan perkhidmatan mereka; mempercepat peralihan sektor perkilangan dan perkhidmatan daripada berintensif buruh kepada berintensif pengetahuan, nilai ditambah tinggi dan berasaskan inovasi; dan mempertingkatkan pembangunan subsektor perkhidmatan utama. Menerusi program-program ini, MIDA berjaya memberikan komuniti perniagaan tempatan sebuah platform bagi membolehkan mereka mempromosi produk dan perkhidmatan, menjalin hubungan perniagaan yang penting; dan saling berhubung dengan agensi utama kerajaan dan pihak berkuasa yang berkenaan. Bagi menggalakkan interaksi antara MIDA dengan wakil-wakil utama industri, dan juga bagi menggalakkan semangat keterbukaan dan kejelasan, MIDA juga mengatur mesyuarat dan sesi dialog dengan dewan perniagaan, pertubuhan bebas dan bukan kerajaan, bertujuan untuk memaklumkan perkembangan terbaru tentang agenda dan inisiatif kerajaan bagi mempromosi pelaburan domestik.



Supplier Conference – Multi-National Companies (MNCs) & Small Medium Enterprises (SMEs) Supply Chain Development and Opportunities 2016

Untuk mendorong pembangunan syarikat dan SME tempatan, MIDA juga melancarkan program baharu yang direka untuk menggalakkan kerjasama dan jalinan perniagaan antara MNC dengan SME: Program Rantaian Bekalan. Di bawah program ini, MNC diberikan peluang berkongsi kisah kejayaan mereka serta pengalaman dengan SME yang berminat meneroka pasaran global. Program ini memberikan MNC dan SME peluang untuk membincangkan cabaran yang dihadapi dalam usaha membangunkan rantaian bekalan mereka. Menerusi program yang menyaksikan penyertaan lebih 400 peserta ini, MIDA juga dapat memberi galakan kepada MNC dan syarikat asing yang beroperasi di negara untuk memanfaatkan produk dan perkhidmatan tempatan dalam rantaian bekalan mereka. Program ini berjaya membantu syarikat seperti Nestle, sebuah syarikat makanan dan minuman terkenal daripada Swiss yang memanfaatkan rantaian bekalan tempatan dengan memberi latihan kepada 400 syarikat Malaysia menerusi Program Mentor SME, dan Spirit Aerosystems, antara pelabur utama di dalam ekosistem aeroangkasa

Malaysia yang secara tidak langsung telah merangsang pembangunan industri sampingan tempatan dan mewujudkan kira-kira 2,700 peluang pekerjaan.

Misi utama MIDA adalah menarik dan memudahkan carakan pelaburan, dengan dibantu oleh kewujudan ekosistem perniagaan yang stabil dan sihat sedia ada bagi menyokong para pelabur. Untuk itu, MIDA mengadakan pertemuan dengan sepuluh konglomerat tempatan, syarikat berdaftar e-biz, dan syarikat pemohon DISF bertujuan mengenal pasti konglomerat Malaysia yang berpotensi serta mampu menyokong pembangunan pembekal tempatan di dalam memenuhi tawaran khidmat luaran daripada MNC dan syarikat asing beroperasi di Malaysia. Menerusi mesyuarat-mesyuarat ini, MIDA dapat mewujudkan *platform* yang efektif bagi membolehkan perbincangan secara terbuka dan jujur bersama pihak syarikat, mempereratkan perhubungan, pertukaran pendapat dan cadangan baharu, serta menyampaikan maklumat terbaharu mengenai isu-isu penting yang melibatkan pelaburan domestik.



International Construction Week 2016 (ICW)

Membina Jalinan

Bagi memperkuuh jalinan rangkaian antara pelabur dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), serta mengiktiraf aktiviti yang diusahakan oleh pelabur, MIDA menganjurkan program bersiri Turun Padang, persidangan dan acara menandatangani perjanjian. Pada 2016, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengunjungi beberapa kilang dan fasiliti di lima negeri: Johor, Sarawak, Pahang, Pulau Pinang, dan Selangor. Sewaktu kunjungan tersebut, perbincangan meja bulat turut diadakan bersama wakil-wakil utama industri di negeri-negeri tersebut untuk lebih memahami isu yang dihadapi oleh syarikat, dan untuk memaklumkan tentang dasar serta inisiatif kerajaan yang relevan dan terbaru.

perbelanjaan yang diperlukan bagi melatih bakat Malaysia; aktiviti R&D yang dilakukan di Malaysia; modenisasi dan penambahbaikan kemudahan dan peralatan; mendapatkan standard dan pensijilan antarabangsa; dan pelesenan atau pembelian teknologi baharu atau tinggi.

Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 243 projek dengan pelaburan berjumlah RM11.9 bilion telah diluluskan, dengan geran berjumlah RM1,223.6 juta. Daripada ini, RM14.6 juta (3.14%) diperuntukkan untuk geran latihan, RM29 juta (6.24%) untuk geran R&D, RM405.5 juta (87.18%) untuk geran modal, RM10.4 juta (2.24%) untuk pensijilan dan standard antarabangsa, dan RM5.6 juta (1.2%) untuk geran pelesenan dan pembelian teknologi baharu/tinggi.

Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF)

Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) dilancarkan pada 2012 untuk menggalakkan penyertaan syarikat milik tempatan di dalam industri nilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Menerusi DISF, syarikat-syarikat berpeluang menerima geran untuk membiayai

“Menerusi DISF, syarikat-syarikat berpeluang menerima geran untuk membiayai perbelanjaan yang diperlukan bagi melatih bakat Malaysia; aktiviti R&D yang dilakukan di Malaysia; modenisasi dan penambahbaikan kemudahan dan peralatan; mendapatkan standard dan pensijilan antarabangsa; dan pelesenan atau pembelian teknologi baharu atau tinggi.”

09 PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan **MIDA** yang telah diaudit bagi tahun berakhir
31 Disember 2016



09

Penyata Kewangan



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (samb.)

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalam Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (samb.)

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah menerima pakai *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



JOHARI BIN ISMAIL
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA
PUTRAJAYA
22 OGOS 2017

PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI JEMAAH


Kami, **TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ** dan **DATUK SERI J. JAYASIRI** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Jemaah, **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Jemaah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, pada 31 Disember, 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Jemaah,



TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ
PENGURUSI
14 OGOS 2017
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Jemaah,



DATUK SERI J. JAYASIRI
AHLI JEMAAH
14 OGOS 2017
KUALA LUMPUR

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

Saya, **AZMAN MAHMUD** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
pada 14 OGOS 2017)


DATO' AZMAN MAHMUD



Di hadapan saya,

Lot 1.08, Tingkat 1,
Bangunan KWSP, Jin Raja L PESURUHJAYA SUMPAH
50350 Kuala Lumpur.
Tel: 019-6680745

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	NOTA	31 DISEMBER 2016 (RM)	1 JANUARI 2016 (RM)
ASET BUKAN SEMASA			
• Hartanah, Loji dan Peralatan	3	152,447,100	168,407,235
• Aset Tak Ketara	4	61,532	30,411
• Hartanah Pelaburan	5	326,810	326,810
• Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urusniaga Pertukaran	6	8,058,783	8,116,316
		160,894,225	176,880,772
ASET SEMASA			
• Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urusniaga Pertukaran	6	5,074,195	6,262,491
• Tunai dan Kesetaraan Tunai	7	233,345,822	149,292,656
		238,420,017	155,555,147
Jumlah Aset		399,314,242	332,435,919
LIABILITI SEMASA			
• Akaun Belum Bayar bagi Urusniaga Pertukaran	8	29,474,483	26,358,605
• Peruntukan Bonus	9	2,581,294	-
• Manfaat Pekerja	10	760,474	720,614
		32,816,251	27,079,219
LIABILITI BUKAN SEMASA			
• Akaun Belum Bayar bagi Urusniaga Pertukaran	8	1,410,232	-
• Manfaat Pekerja	10	10,664,481	10,342,099
		12,074,713	10,342,099
Jumlah Liabiliti		44,890,964	37,421,318
ASET BERSIH			
Lebihan Dana Terkumpul terdiri daripada:	11		
• Kumpulan Wang Terkumpul Pembangunan		354,423,278	295,014,601
• Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus		342,661,071	283,705,561
• Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer		8,412,207	7,959,040
• Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		350,000	350,000
		3,000,000	3,000,000
Jumlah Aset Bersih dan Liabiliti		399,314,242	332,435,919

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

09

Penyata Kewangan

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	NOTA	31 DISEMBER 2016 (RM)
HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN		
• Pindahan daripada Geran Kerajaan	12	699,379,184
HASIL DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN		
• Pendapatan Sewa	13	661,733
• Pendapatan Faedah / Keuntungan Hibah	14	9,334,919
• Lain-lain Pendapatan		1,160,083
		11,156,735
Jumlah Hasil		710,535,919
BELANJA		
• Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja	15	101,783,226
• Perbelanjaan Sewaan		27,803,596
• Perkhidmatan Ikhtisas / Lain dan Hospitaliti		475,182,187
• Susutnilai dan Pelunasan	16	17,238,687
• Penjejasan Aset Kewangan		577,144
• Perhubungan dan Utiliti		9,802,557
• Pembaikan dan Penyelenggaraan		7,557,473
• Perjalanan dan Sara Hidup		7,106,915
• Bayaran-bayaran Lain	17	4,366,131
Jumlah Belanja		651,417,916
LEBIHAN/KURANGAN LAIN		
• Keuntungan atas Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan		38,324
• Keuntungan atas Pertukaran Matawang Asing		252,350
		290,674
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa		59,408,677

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

LEBIHAN TERKUMPUL						
	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN Akaun-akaun Khas, Nota 11(i)	KUMPULAN WANG MENGURUS Akaun MIDA Note 11(ii)	KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN Nota 11 (iii)	KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN KOMPUTER Nota 11 (iv)	JUMLAH Nota 11 (v)	RM
Baki pada 1 Januari 2016	105,810,931	177,894,630	7,959,040	3,000,000	350,000	295,014,601
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	75,568,021	(16,612,511)	453,167	-	-	59,408,677
Baki pada 31 Disember 2016	181,378,952	161,282,119	8,412,207	3,000,000	350,000	354,423,278

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	NOTA	31 DISEMBER 2016 (RM)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan Tahun Semasa		59,408,677
Pelarasan bagi:		
• Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		17,193,408
• Pelunasan Harta Tak Ketara		45,279
• Keuntungan Pelupusan Kenderaan		(38,324)
• Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan		5,768
• Peruntukan untuk Bonus		2,581,294
• Penjejasan Aset Kewangan		577,144
• Peruntukan Manfaat Pekerja		1,169,639
• Pendapatan Faedah / Hibah daripada Deposit / Pembiayaan		(9,334,919)
Lebihan Operasi sebelum Perubahan Modal Kerja		71,607,966
Perubahan Modal Kerja :		
• Kurangan Penghutang		1,591,685
• Tambahan Pembiayaan		4,526,110
• Kurangan Manfaat Pekerja		(807,397)
Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi		76,918,364
• Pendapatan Faedah / Hibah daripada Deposit / Pembiayaan		8,411,919
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi		85,330,283
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(1,239,044)

[samb >>](#)

09

Penyata Kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (samb)

<<samb

	NOTA	31 DISEMBER 2016 (RM)
Pembelian Harta Tak Ketara		(76,400)
Kutipan daripada Pelupusan Kenderaan Pejabat		38,327
Tunai Bersih digunakan dalam Aktiviti Pelaburan		(1,277,117)
Peningkatan dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		84,053,166
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 1 Januari		149,292,656
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember	7	233,345,822

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	PERUNTUKAN ASAL 2016	PELARASAN 2016	PERUNTUKAN AKHIR 2016	PERBELANJAAN SEBENAR DALAM ASAS PERBANDINGAN 2016	VARIAN BAJET 2016
	RM	RM	RM	RM	RM
PERBELANJAAN OPERASI (VOT B)					
Perbelanjaan					
Emolumen	96,113,611	8,000,000	104,113,611	99,201,932	4,911,679
Bekalan dan Perkhidmatan	52,309,738	20,240,000	72,549,738	75,316,922	(2,767,184)
Bayaran-bayaran Lain	1,028,251	-	1,028,251	1,209,459	(181,208)
Jumlah Perbelanjaan	149,451,600	28,240,000	177,691,600	175,728,313	1,963,287
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (VOTP)					
Perbelanjaan					
Dana Projek Berimpak Tinggi	729,220,000	(10,000,000)	719,220,000	429,086,612	290,133,388
Dana Program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Berintegrasи Sedia ada (Termasuk Industri Halal)	25,000,000	(5,000,000)	20,000,000	25,815,061	(5,815,061)
Dana E-MIDA Enterprise Transformation Systems (E-Trans)	11,000,000	-	11,000,000	-	11,000,000
Jumlah Perbelanjaan	765,220,000	(15,000,000)	750,220,000	454,901,673	295,318,327
Jumlah Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan	914,671,600	13,240,000	927,911,600	630,629,986	297,281,614

Nota: Bajet dan asas perakaunan adalah berbeza.

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

1. Maklumat Umum

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) Akta 1965 (Akta 397).

Kegiatan utama MIDA adalah untuk menggalak dan menyelaras pembangunan industri dan perkhidmatan berkaitan di Malaysia. Ibu Pejabat MIDA ditempatkan di MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata Kewangan telah dibentang dan diluluskan melalui resolusi kepada Ahli Jemaah pada 14 Ogos 2017.

2.1 Asas Penyediaan

(a) Tempoh Laporan dan Entiti

Penyediaan Penyata Kewangan MIDA adalah tertakluk kepada Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Tahun kewangan MIDA adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember selaras dengan Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61).

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan Mata Wang fungsian dan laporan MIDA.

(b) Tempoh Laporan dan Entiti

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan. MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan/atau mengukur Aset dan/atau Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

Dalam peralihan kepada asas akruan MPSAS, MIDA telah mengambil peluang menggunakan pengecualian peralihan ini untuk pelan manfaat selepas pekerjaan. Dalam tempoh peralihan ini, MIDA tidak diperlukan untuk mengubah dasar perakaunannya berkenaan dengan pengukuran liabiliti ini. Oleh itu, MIDA tidak dapat membuat pernyataan yang eksplisit dan secara terang-terangan tentang pematuhan MPSAS Asas Akruan dalam penyediaan penyata kewangan peralihan MPSAS bagi tempoh pelaporan ini. MIDA bercadang untuk mengiktiraf dan/atau langkah selepas

pekerjaan pelan manfaat yang ditakrifkan pada 31 Disember 2018.

Penyata kewangan telah disediakan atas dasar kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

MIDA telah memilih untuk tidak mengemukakan maklumat perbandingan dalam penyata kewangan ini kerana menggunakan pakai perenggan 151 Peruntukan Peralihan dalam MPSAS 1 Pembentangan Penyata Kewangan yang menyatakan maklumat perbandingan tidak diperlukan bagi penyata kewangan yang menerima pakai asas perakaunan akruan buat pertama kalinya berdasarkan MPSAS. Peralihan MIDA daripada PERS kepada MPSAS dijelaskan pada Nota 23 kepada penyata kewangan.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan kritikal tertentu. Ini juga memerlukan Lembaga Pengarah membuat pertimbangan dan penilaian dalam proses mewujudkan polisi perakaunan MIDA.

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting

Piawaian dan Interpretasi yang dikeluarkan, belum berkuatkuasa dan diterima pakai awal oleh MIDA.

MIDA telah memilih untuk menerima pakai awal semua piawaian dan tafsiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang berkuat kuasa dan diterima pakai bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2017 seperti berikut:

MPSAS

- MPSAS 1 Pembentangan Penyata Kewangan
- MPSAS 2 Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3 Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4 Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 9 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran
- MPSAS 13 Pajakan
- MPSAS 14 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16 Hartanah Pelaburan
- MPSAS 17 Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan

09

Penyata Kewangan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

- MPSAS 21 Penjejasan Aset Tidak Menjana Tunai
- MPSAS 23 Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (Cukai & Pindahan)
- MPSAS 24 Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25 Manfaat Pekerja
- MPSAS 26 Penjejasan Aset Menjana Tunai
- MPSAS 28 Instrumen Kewangan: Pembentangan
- MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30 Instrumen Kewangan: Pendedahan
- MPSAS 31 Aset Tak Ketara
- MPSAS 33 Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan

MIDA menjangkakan bahawa penggunaan MPSAS berikut tidak akan memberi sebarang kesan material ke atas tempoh semasa dan mungkin tidak memberi kesan kepada tempoh masa hadapan.

- MPSAS 5 Kos Pinjaman
- MPSAS 6 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan
- MPSAS 7 Pelaburan dalam Entiti Bersekutu
- MPSAS 8 Kepentingan dalam Usaha Sama
- MPSAS 11 Kontrak Pembinaan
- MPSAS 12 Inventori
- MPSAS 18 Pelaporan Mengikut Segmen
- MPSAS 22 Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Am Kerajaan
- MPSAS 27 Pertanian
- MPSAS 32 Aturan Konsesi Perkhidmatan: Penjamin
- MPSAS 34 Penyata Kewangan Berasingan
- MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan
- MPSAS 36 Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama
- MPSAS 37 Aturan Bersama
- MPSAS 38 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain

a) Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Pindahan Hasil

Hasil daripada urusniaga bukan pertukaran dengan Kerajaan Persekutuan diukur pada nilai saksama dan diiktiraf pada kawalan mendapatkan aset (tunai) jika pindahan itu adalah bebas daripada syarat dan terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi

atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan dijana kepada MIDA dan boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Pendapatan Faedah

Hasil Faedah Terakru menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan.

Kadar Faedah Berkesan mendisksaun dengan tetap anggaran terimaan tunai masa hadapan melalui usia guna Aset Kewangan kepada Amaun Bawaan Bersih Aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan Hasil Faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa yang diterima daripada pajakan operasi ke atas pelaburan harta tanah diambil kira mengikut garis lurus sepanjang tempoh pajakan dan dimasukkan sebagai hasil.

b) Hartanah Pelaburan

Harta tanah pelaburan terdiri daripada tanah pegangan kekal dipegang untuk hasil sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, dan tidak diduduki oleh MIDA.

Harta tanah pelaburan diukur pada mulanya pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, harta tanah pelaburan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai dan penjejasan terkumpul. Tiada susutnilai pada pelaburan harta tanah kerana ianya adalah tanah pegangan bebas.

Perbelanjaan berikutan dipermodalkan kepada jumlah dibawa aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir kepada MIDA dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua pembelaian dan kos penyelenggaraan dibelanjakan apabila ditanggung. Apabila sebahagian daripada harta tanah pelaburan diganti, nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tidak diiktiraf.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

b) Hartanah Pelaburan (samb.)

Hartanah pelaburan tidak dimasukkan sama ada apabila ia dilupuskan atau apabila hartaanah pelaburan secara tetap daripada kegunaan dan tiada manfaat ekonomi atau perkhidmatan potensi masa depan dijangka daripada pelupusannya. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa lebihan atau defisit dimasukkan dalam keuntungan/(kerugian) bersih. Apabila adanya perubahan pada kegunaan harta tersebut, maka pindahan dibuat kepada/daripada hartaanah pelaburan.

c) Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai penjejasan terkumpul kecuali tanah pegangan bebas dan kerja dalam pembinaan. Susutnilai ke atas aset dalam kerja-kerja pembinaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan. Hanya hartaanah, loji dan peralatan berharga RM2,000 dan ke atas setiap unit dipermodalkan. Kos sesuatu unit hartaanah, loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan berada dalam keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikendalikan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun di bawah aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan yang digunakan oleh MIDA dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan lebihan atau defisit dalam tempoh kewangan tersebut.

Susutnilai dikenakan pada kaedah garis lurus dengan memperuntukkan kos aset ditolak nilai sisa:

- Bangunan 2% setahun
- Pengubahsuaian 20% setahun
- Kenderaan 20% setahun
- Komputer, peralatan dan perisian 20% setahun
- Peralatan pejabat 10% setahun

Nilai baki aset dan hayati berguna dikaji dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai, pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Pada akhir tempoh laporan ini, MIDA menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan. Sekiranya wujud, analisa akan dibuat untuk menilai sama ada nilai dibawa aset boleh pulih sepenuhnya. Nilai dibawa aset dikurangkan dengan serta-merta kepada amaun boleh pulih, atau amaun perkhidmatan boleh pulih, jika jumlah bawaan aset adalah lebih besar daripada amaun atau perkhidmatan boleh pulih.

MIDA menyahiktiraf item hartaanah, loji dan peralatan dan/atau mana-mana sebahagian besar daripada aset semasa pelupusan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan digunakan oleh MIDA. Untung atau rugi yang timbul daripada penyahiktirafan item hartaanah, loji dan peralatan hendaklah dimasukkan ke dalam lebihan atau kurangan apabila item tersebut dinyahiktirafkan.

d) Pajakan

Pajakan adalah suatu perjanjian di mana pemberi pajak menyewakan kepada penerima pajak untuk suatu bayaran atau siri bayaran bagi hak penggunaan aset untuk tempoh masa yang dipersetujui.

Pajakan Operasi - MIDA sebagai Pemajak

Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran hakmilik disimpan oleh pemberi pajak adalah diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Bayaran di bawah pajakan operasi (selepas ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajak) adalah dicaj kepada lebihan atau defisit pada kadar garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Pajakan Operasi - MIDA sebagai Pemberi Pemajak

Apabila aset dipajak di bawah pajakan operasi, aset yang termasuk dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada jenis aset. Pajakan pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

e) Aset Tak Ketara - Perisian Komputer dan Sistem

Kos berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut ditanggung yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dikenal pasti serta yang dikawal oleh MIDA diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut dipenuhi:

- (i) Kebolehlaksanaan teknikal dalam menyiapkan Aset Tak Ketara supaya ia tersedia untuk diguna atau dijual;
- (ii) Hasrat entiti untuk menyiapkan Aset Tak Ketara tersebut untuk diguna atau dijual;
- (iii) Keupayaan entiti untuk mengguna atau menjual Aset Tak Ketara;
- (iv) Cara Aset Tak Ketara akan berkemungkinan menghasilkan faedah ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan. Antara lain, entiti boleh menunjukkan kewujudan pasaran untuk output Aset Tak Ketara tersebut atau Aset Tak Ketara itu sendiri atau, jika ia adalah untuk digunakan secara dalaman, kebergunaan Aset Tak ketara tersebut;
- (v) Ketersediaan sumber teknikal, kewangan dan sumber lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan untuk menggunakan atau menjual Aset Tak Ketara tersebut; dan
- (vi) Keupayaan untuk mengukur dengan pasti belanja yang boleh dikaitkan dengan Aset Tak Ketara sewaktu pembangunan.

Kos langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian termasuk kos pekerja pembangunan perisian dan bahagian overhead yang relevan.

Perbelanjaan pembangunan yang lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya. Kos pembangunan perisian komputer dikira sebagai aset dilunaskan dari titik di mana aset tersebut sedia untuk digunakan sepanjang anggaran hayat berguna, yang tidak melebihi 5 tahun.

Perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna selama 5 tahun.

f) Penjejasan Aset Bukan Kewangan

Penjejasan Aset Janaan Tunai

Pada setiap tarikh pelaporan, MIDA menilai sama ada terdapat petunjuk bahawa terdapat penjejasan. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian penjejasan tahunan bagi aset diperlukan, MIDA menganggarkan amaun boleh pulih aset. Jumlah boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya dan ditentukan untuk aset individu kecuali aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas daripada aset-aset atau aset lain MIDA.

Di mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan kepada amaun boleh pulih.

Penjejasan Aset Janaan Tunai

Kerugian operasi berterusan, diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam kategori tersebut penjejasan di mana belanja tersebut konsisten dengan sifat aset terjejas.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset yang diiktiraf sebelum ini kerugian penjejasan dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih kali terakhir pengiktirafan penjejasan. Kebalikan adalah terhad supaya amaun dibawa aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulih, tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susutnilai, sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Kebalikan sedemikian diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

f) Penjejasan Aset Bukan Kewangan (samb.)

Kemerosotan Nilai Aset Yang Menjana Bukan Tunai

MIDA menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa janaan aset bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian kemerosotan tahunan bagi aset diperlukan, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama menjana aset bukan tunai ditolak kos untuk menjual dan nilai dalam penggunaan.

Di mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan kepada amaun boleh pulih.

Dalam menilai nilai yang digunakan, MIDA telah menerima pakai pendekatan susutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa potensi baki kos penggantian perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian susutnilai. Kos penggantian susutnilai diukur sebagai pengeluaran semula atau penggantian kos aset, yang mana lebih rendah, susutnilai terkumpul dikira berdasarkan kos, untuk mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos jualan, harga aset dalam satu perjanjian yang mengikat dalam urusniaga tulus, diselaraskan untuk kos tambahan yang akan dikaitkan secara langsung dengan pelupusan aset tersebut. Jika tiada ikatan perjanjian yang sah, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran aktif, nilai saksama tolak kos jualan adalah persamaan harta pasaran ditolak kos pelupusan. Jika tiada ikatan perjanjian yang sah atau adanya pasaran aktif untuk aset tersebut, MIDA menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat terbaik yang ada.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset yang diiktiraf sebelum ini kerugian penjejasan dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam

andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih kali terakhir pengiktirafan penjejasan. Kebalikan adalah terhad supaya amaun dibawa aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulih, tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susutnilai, sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Kebalikan sedemikian diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

g) Instrumen Kewangan

Aset Kewangan

Klasifikasi

MIDA mengklasifikasikan aset kewangannya sebagai pinjaman dan belum diterima. Klasifikasi bergantung kepada tujuan yang mana aset kewangan tersebut diperolehi.

Pinjaman dan Penghutang

Pinjaman dan yang belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan tetap atau pembayaran boleh ditentukan yang tidak sebutharga dalam pasaran aktif. Jika jumlah kutipan djangka dalam satu tahun atau kurang ia dikelaskan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan kesetaraan belum diterima oleh MIDA terdiri daripada 'Akaun Belum Terima' dan tunai dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Pembelian biasa dan jualan aset kewangan diiktiraf pada dagangan terkini, tarikh di mana MIDA membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Pengukuran Berikutkan

Pinjaman dan aset kewangan penghutang kemudiannya dibawa pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

Penyahiktirafan

Aset kewangan pengiktirafannya apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan MIDA telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

09

Penyata Kewangan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

Penjejasan Nilai Aset Kewangan Yang Dibawa Pada Kos Pelunasan

MIDA menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan MIDA terjejas. Aset kewangan MIDA dianggap sebagai terjejas jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif penjejasan nilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (yang ditanggung 'peristiwa kerugian') dan peristiwa kerugian mempunyai kesan ke atas aliran tunai masa hadapan aset kewangan MIDA yang boleh dianggarkan dengan pasti. Bukti penjejasan mungkin termasuk penunjuk berikut:

- Penghutang MIDA mengalami kesukaran kewangan yang ketara;
- Ingkar atau delinkuens dalam bayaran faedah atau pokok;
- Kebarangkalian bahawa penghutang akan muflis;
- Data menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai pada masa depan, seperti perubahan dalam tunggakan atau keadaan ekonomi yang berhubung kait dengan keingkaran.

MIDA menilai sama ada bukti objektif penjejasan nilai wujud secara individu bagi aset kewangan yang ketara secara individu atau kolektif bagi aset kewangan yang tidak ketara secara individu. Jika MIDA menentukan bahawa tiada bukti objektif penjejasan nilai wujud bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, ia termasuk aset dalam aset kewangan MIDA dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama dan dinilai secara kolektif untuk penjejasan. Aset yang dinilai secara individu untuk penjejesan dan di mana kerugian penjejasan adalah, atau terus diiktiraf, tidak termasuk dalam penilaian kolektif penjejasan.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan telah berlaku, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah aset bawaan dan jumlah boleh pulih.

Liabiliti kewangan

Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Liabiliti kewangan MIDA termasuk pembiutang. Pembiutang diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan

lain pada pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama.

Pengukuran Berikutkan

Liabiliti kewangan lain kemudiannya dibawa pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi dibawah liabiliti tersebut dilepaskan atau dibatalkan atau diluputkan.

h) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, kesetaraan tunai dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, tunai di bank, pelaburan berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal 3 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko yang tidak ketara pada perubahan nilai.

i) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila MIDA mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa yang lepas, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat.

Peruntukan diukur pada nilai anggaran semasa terbaik ke atas perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada tanggungjawab itu. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai belanja kos kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

j) Manfaat Pekerja

Manfaat Jangka Pendek Kakitangan

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan kewangan yang dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan di mana kakitangan memberi perkhidmatan yang berkaitan diiktiraf berkenaan dengan perkhidmatan pekerja dan diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti diselesaikan. Liabiliti dibentangkan sebagai tanggungan manfaat pekerja dalam penyata kedudukan kewangan.

MIDA mengiktiraf liabiliti dan belanja bonus, berdasarkan formula yang mengambil kira lebihan yang boleh diagihkan kepada MIDA selepas beberapa pelarasian. MIDA mengiktiraf peruntukan di mana adanya obligasi kontraktual atau jika terdapat amalan terdahulu yang telah mewujudkan suatu obligasi kontraktual.

Manfaat Pencen Pasca Pekerjaan

MIDA mempunyai pelan manfaat pencen pasca pekerjaan sejarah dengan keadaan amalan tempatan. Pelan manfaat ini adalah sama ada caruman wajib atau pelan manfaat ditetapkan.

Pelan caruman wajib ialah pelan pencen di mana MIDA membayar caruman tetap kepada sebuah entiti berasingan (dana) secara mandatori, kontrak atau sukarela dan MIDA mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika dana tersebut tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat pekerja berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan sebelumnya. Sumbangan MIDA kepada pelan caruman wajib dicaj kepada lebihan atau defisit dalam tempoh yang berkaitan.

Pelan manfaat yang ditetapkan ialah pelan pencen yang bukan merupakan pelan caruman tetap. Pelan manfaat ditentukan adalah ganjaran pencen yang akan diterima selepas bersara, biasanya bergantung kepada satu atau lebih faktor seperti umur, tahun perkhidmatan dan pampasannya.

Dalam peralihan kepada asas akruan MPSAS, MIDA telah mengambil peluang menggunakan pengecualian

peralihan ini untuk pelan manfaat selepas pekerjaan. Dalam tempoh peralihan ini, MIDA tidak diperlukan untuk mengubah dasar perakaunannya berkenaan dengan pengukuran liabiliti ini. Oleh itu, MIDA tidak dapat membuat pernyataan yang eksplisit dan secara terang-terangan tentang pematuhan MPSAS Asas Akruan dalam penyediaan penyata kewangan peralihan MPSAS bagi tempoh pelaporan ini. MIDA bercadang untuk mengiktiraf dan/atau langkah selepas pekerjaan pelan manfaat yang ditakrifkan pada 31 Disember 2018.

k) Urusniaga dalam Matawang Asing

Item dalam penyata kewangan ini diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana MIDA beroperasi (matawang fungsian). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsian dan pelaporan MIDA.

Urusniaga dalam matawang asing telah diambilkira pada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) kadar arahan pertukaran pada bulan urusniaga. Tunai dan kesetaraan tunai dalam matawang asing dilaporkan pada penyata kedudukan kewangan dengan menggunakan kadar pertukaran pada bulan Disember.

Perbezaan pertukaran yang terhasil daripada penyelesaian urusniaga tersebut dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran bulan penutupan bagi aset dan liabiliti kewangan dalam matawang asing pertukaran asing diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dengan tunai dan kesetaraan tunai dinyatakan dalam lebihan atau defisit dalam keuntungan atau kerugian lain.

I) Pertimbangan dan Sumber Ketidakpastian Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan MIDA membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada amaun Hasil, Belanja, Aset dan Liabiliti, dan pendedahan Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka pada akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini akan menyebabkan Hasil yang memerlukan pelarasian material kepada Amaun Bawaan Aset atau Liabiliti dalam tempoh masa hadapan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

Pajakan Operasi (sebagai Pemberi Pajakan)

MIDA telah memeterai pelbagai pajakan komersil. MIDA telah menentukan, berdasarkan penilaian terhadap terma dan syarat perjanjian, bahawa ia mengekalkan semua risiko dan ganjaran pemilikan signifikan hartaanah dan mengakaunkan kontrak tersebut sebagai Pajakan Operasi.

Peruntukan

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi pada tarikh pelaporan.

Penjejasan Belum Terima

MIDA membuat penilaian pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa Aset Kewangan telah terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif penjejasan MIDA mengambil kira faktor seperti kemungkinan insolvensi atau kesukaran kewangan yang signifikan bagi penghutang dan kegagalan atau kelewatan dalam pembayaran. Apabila terdapat bukti objektif penjejasan amanah dan pemasaran aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri Risiko Kredit yang serupa.

3. Hartanah, Loji dan Peralatan

	TANAH MILIK BEBAS	BANGUNAN	PENGUBAH- SUAIAN PEJABAT	KENDERAAN	PERKAKASAN KOMPUTER	PERALATAN PEJABAT	PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	JUMLAH
KOS	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2016	42,000,000	106,917,902	41,111,174	8,655,435	49,342,280	3,235,011	14,713,310	265,975,112
Pertambahan	-	-	-	-	128,916	20,497	1,089,631	1,239,044
Pelupusan	-	-	-	(483,794)	-	-	-	(483,794)
Hapus Kira	-	-	-	-	(492,500)	(9,585)	-	(502,085)
Pada 31 Disember 2016	42,000,000	106,917,902	41,111,174	8,171,641	48,978,696	3,245,923	15,802,941	266,228,277
SUSUT NILAI TERKUMPUL DAN KERUGIAN PENJEJASAN TERKUMPUL								
Pada 1 Januari 2016	-	12,826,316	32,888,939	7,299,811	42,883,663	1,669,148	-	97,567,877
Susut Nilai Semasa	-	2,138,358	8,222,196	565,101	5,983,883	283,870	-	17,193,408
Pelupusan	-	-	-	(483,791)	-	-	-	(483,791)
Hapus Kira	-	-	-	-	(488,092)	(8,225)	-	(496,317)
Pada 31 Disember 2016	-	14,964,674	41,111,135	7,381,121	48,379,454	1,944,793	-	113,781,177
NILAI BUKU BERSIH								
Pada 1 Januari 2016	42,000,000	94,091,586	8,222,235	1,355,624	6,458,617	1,565,863	14,713,310	168,407,235
Pada 31 Disember 2016	42,000,000	91,953,228	39	790,520	599,242	1,301,130	15,802,941	152,447,100

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

4. Aset Tak Ketara

	PERISIAN KOMPUTER	SISTEM	JUMLAH
KOS	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2016	305,711	161,375	467,086
Pertambahan	-	76,400	76,400
Pada 31 Disember 2016	305,711	237,775	543,486
PELUNASAN TERKUMPUL			
Pada 1 Januari 2016	305,301	131,374	436,675
Caj Tahun Semasa	-	45,279	45,279
Pada 31 Disember 2016	305,301	176,653	481,954
NILAI BUKU BERSIH			
Pada 1 Januari 2016	410	30,001	30,411
Pada 31 Disember 2016	410	61,122	61,532

Perisian komputer ialah bayaran lesen dan yuran profesional yang terlibat untuk penggunaan aset tersebut.

5. Hartanah Pelaburan

	31 DISEMBER 2016 (RM)
Pada 1 Januari 2016 / 31 Disember 2016	326,810
Pendapatan Sewa daripada Hartanah Pelaburan	388,800

Nilai saksama hartaanah pelaburan dibawa pada kos berjumlah RM129,100,000. Nilai saksama ditentukan berdasarkan penilaian terakhir dilakukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada 31 Disember 2011.

6. Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urusniaga Pertukaran

	31 DISEMBER 2016 (RM)
Pelbagai Penghutang	3,020,325
(Tolak): Kerugian Penjejasan Terkumpul	(577,144)
	2,443,181
Pendahuluan	98,819
Pinjaman pekerja:	895,219
• Pembiayaan Komputer	51,865
• Pinjaman Kenderaan	843,354
Deposit	6,966,446
Bayaran Terdahulu	2,729,313
	13,132,978
Analisis:	
Semasa	5,074,195
Bukan Semasa	8,058,783
	13,132,978

Tiada kadar faedah dikenakan untuk penghutang lain manakala pinjaman kakitangan adalah 4% setahun. Tempoh bayaran balik adalah 30 hari kecuali bagi pinjaman kakitangan.

	TIDAK LAMPAU TEMPOH ATAU TERJEJAS
	RM
Pendahuluan	98,819
Pinjaman Kakitangan	895,219
Deposit	6,966,446
Pelbagai Penghutang	1,304,621

samb.>>

09

Penyata Kewangan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

<<samb.

	LAMPAU TEMPOH TETAPI TIDAK TERJEJAS			
	< 30 HARI	30 - 90 HARI	90 - 180 HARI	> 180 HARI
	RM	RM	RM	RM
Pendahuluan	-	-	-	-
Pinjaman Kakitangan	-	-	-	-
Deposit	-	-	-	-
Pelbagai Penghutang	430,990	239,941	464,018	3,611

Selain daripada pembiayaan komputer yang tidak bercagar, pinjaman kenderaan adalah dijamin oleh gadaian ke atas aset berkenaan yang memihak kepada MIDA. Risiko kredit ke atas pinjaman kakitangan adalah kecil, aman yang tertunggak boleh dibayar balik secara bulanan melalui potongan gaji.

Pelbagai penghutang yang terjejas pada akhir tempoh kewangan dan pergerakan penjejasan terkumpul pinjaman dan akaun belum terima digunakan untuk merekod penjejasan adalah seperti berikut:

31 DISEMBER 2016 (RM)	
PENJEJASAN SECARA INDIVIDU	
Pelbagai Penghutang, Kasar	577,144
(Tolak): Kerugian Penjejasan Terkumpul	(577,144)
	-
Penjejasan terkumpul pinjaman dan belum terima adalah seperti berikut:	
31 DISEMBER 2016 (RM)	
Pada 1 Januari 2016	-
Penjejasan Semasa	577,144
Pada 31 Disember 2016	(577,144)

7. Tunai dan Kesetaraan Tunai

31 DISEMBER 2016 (RM)	
Tunai Dalam Tangan	31,922
Tunai di Bank	62,390,900
Deposit Jangka Pendek dengan Institusi Kewangan Berlesen	170,923,000
	233,345,822

Tunai di bank mendapat faedah pada kadar terapung berdasarkan kadar harian deposit bank.

Deposit dibuat untuk tempoh yang berbeza, bergantung kepada keperluan tunai segera MIDA dan pendapatan faedah. Purata wajaran kadar faedah pada 31 Disember 2016 adalah 3.48% setahun. Deposit ini adalah terhad untuk kegunaan projek yang diluluskan.

8. Akaun Belum Bayar bagi Urusniaga Pertukaran

31 DISEMBER 2016 (RM)	
Akaun Khas	510,729
Pelbagai Pembiayaan	25,596,396
Wang Jaminan Pelaksanaan	4,777,590
	30,884,715
Analisis:	
Semasa	29,474,483
Bukan Semasa	1,410,232
	30,884,715

Pembiayaan jangka pendek adalah tidak dikenakan faedah dan purata satu bulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

9. Peruntukan Bonus

31 DISEMBER 2016 (RM)

BONUS PRESTASI	
Pada 1 Januari 2016	-
Peruntukan Semasa	2,581,294
Pada Disember 2016	2,581,294

Bonus Prestasi terakru kepada kakitangan pada atas tahunan tertakluk kepada pencapaian prestasi yang telah ditetapkan. Peruntukan ini adalah satu anggaran aman yang kena dibayar kepada kakitangan dalam perkhidmatan MIDA pada tarikh laporan berdasarkan penilaian prestasi kakitangan dengan mengambil kira trend prestasi dan adanya bajet untuk bonus.

10. Manfaat Pekerja

31 DISEMBER 2016 (RM)

	31 DISEMBER 2016 (RM)
Pada 1 Januari	11,062,713
Pelarasan	(2,354)
Caruman Dibayar	(805,043)
Pertambahan Caruman	1,169,639
Pada 31 Disember	11,424,955
Analisis:	
Semasa	760,474
Bukan Semasa	10,664,481
	11,424,955

Pelan manfaat pasca pekerjaan adalah anugerah wang tunai sebagai ganti cuti rehat terkumpul. Hadiah wang tunai ini diberikan kepada pekerja yang tidak dapat menggunakan semua cuti mereka sehingga maksimum 150 hari disebabkan kepentingan perkhidmatan. Anugerah wang tunai dibayar pada hari terakhir bekerja selepas bersara dan ia dikira berdasarkan gaji kakitangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Dalam peralihan kepada asas akruan MPSAS, MIDA telah mengambil peluang menggunakan

pengecualian peralihan ini untuk pelan manfaat selepas pekerjaan. Dalam tempoh peralihan ini, MIDA tidak diperlukan untuk mengubah dasar perakaunannya berkenaan dengan pengukuran liabiliti ini. Oleh itu, MIDA tidak dapat membuat pernyataan yang eksplisit dan secara terang-terangan tentang pematuhan MPSAS Asas Akruan dalam penyediaan penyata kewangan peralihan MPSAS bagi tempoh pelaporan ini. MIDA bercadang untuk mengiktiraf dan/atau langkah selepas pekerjaan pelan manfaat yang ditakrifkan pada 31 Disember 2018.

11. Aset Bersih

(i) Kumpulan Wang Pembangunan - Akaun-Akaun Khas

	DANA PELABURAN STRATEGIK, DANA PROJEK BERIMPAK TINGGI DAN DANA STRATEGIK PELABURAN TEMPATAN	DANA MENAIK TARAF DAN MEMPERBAIKI INFRA-STRUKTUR ASAS KAWASAN PERINDUSTRIAN SEDIA ADA / NKEA HAZMAT	JUMLAH
	RM	RM	RM
Pada Januari 2016	88,006,986	17,803,945	105,810,931
Pindahan atas Geran	10,747,374	(10,747,374)	-
Diterima pada Tahun Semasa	539,004,584	15,000,000	554,004,584
Pindahan kepada Geran Operasi	(32,317,000)	-	(32,317,000)
Faedah atas Deposit di Bank	8,782,111	-	8,782,111
Belanja Dibayar pada Tahun Semasa	(429,086,612)	(25,815,062)	(454,901,674)
Pada 31 Disember 2016	185,137,443	(3,758,491)	181,378,952

09

Penyata Kewangan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

(ii) Kumpulan Wang Pembangunan - Akaun MIDA

	JUMLAH (RM)
Pada Januari 2016	177,894,630
Faedah atas Deposit di Bank	228,964
Belanja Dibayar pada Tahun Semasa	(385,035)
Susutnilai dan Pelunasan	(16,456,440)
Pada 31 Disember 2016	161,282,119

(iii) Kumpulan Wang Mengurus

	JUMLAH (RM)
Pada Januari 2016	7,959,040
Pindahan dari Geran Pembangunan - Akaun Khas	32,317,000
Diterima pada Tahun Semasa	145,374,600
Faedah atas Deposit di Bank	323,844
Pendapatan/Keuntungan Lain	2,112,490
Belanja Dibayar pada Tahun Semasa	(179,674,767)
Pada 31 Disember 2016	8,412,207

(iv) Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan

	JUMLAH (RM)
Pada Januari 2016/ 31 Disember 2016	3,000,000

(v) Kumpulan Pembiayaan Komputer

	JUMLAH (RM)
Pada Januari 2016/ 31 Disember 2016	350,000

12. Pindahan daripada Geran Kerajaan

	31 DISEMBER 2016 (RM)
Geran tanpa syarat:	
Geran Kerajaan - Operasi	177,691,600
Geran Kerajaan - Pembangunan (Akaun-Akaun Khas)	521,687,584
	699,379,184

13. Pendapatan Sewa

	31 DISEMBER 2016 (RM)
Sewa Hartanah Pelaburan	388,800
Sewa Ruang Pejabat	58,102
Sewa Tempat Letak Kereta	214,831
	661,733

14. Pendapatan Faedah / Keuntungan Hibah

	31 DISEMBER 2016 (RM)
Faedah Deposit di Bank	9,299,840
Faedah Pinjaman Kenderaan	34,233
Keuntungan Pembiayaan Komputer	846
	9,334,919

15. Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja

	31 DISEMBER 2016 (RM)
Gaji dan Upah	63,360,438
Elaun Tetap	10,002,134
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	11,832,428
Elaun Lebih Masa	1,490,460
Faedah-Faedah Kewangan Lain	15,097,766
	101,783,226

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

16. Susutnilai dan Pelunasan

31 DISEMBER 2016 (RM)	
Hartanah, Loji dan Peralatan	17,193,408
Aset Tak Ketara	45,279
	17,238,687

17. Bayaran-Bayaran Lain

31 DISEMBER 2016 (RM)	
Pengangkutan Barang-Barang	1,133,592
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	1,632,276
Bayaran-Bayaran Lain	1,594,495
Hapuskira Peralatan	5,768
	4,366,131

18. Pendedahan Pihak Berkaitan

Pengurusan utama, seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan, adalah ahli-ahli Jemaah, yang bersama-sama membentuk badan pengelola MIDA. Jumlah ganjaran ahli-ahli Jemaah, sepuhul masa yang menerima saraan daripada MIDA adalah:

- Jumlah ganjaran RM 405,632
- Bilangan orang 13 orang

Ganjaran Pengurusan Utama

ELAUN-ELAUN (RM)	
Pengerusi	88,181
Ahli Jemaah	317,451
	405,632

* Elaun termasuk perjalanan, kenderaan, penginapan, sara hidup dan elaun lain.

19. Instrumen Kewangan - Pengurusan Risiko Kewangan

Pendedahan kepada mata wang, kadar faedah, kecairan dan risiko kredit timbul dalam perjalanan biasa operasi MIDA. Nota ini membentangkan maklumat mengenai pendedahan MIDA untuk setiap risiko di atas, dasar dan proses bagi mengukur dan menguruskan risiko dalam pengurusan dana MIDA. Pendedahan kuantitatif selanjutnya dimasukkan di dalam penyata kewangan ini.

Nilai saksama asset dan liabiliti kewangan dimasukkan pada jumlah di mana instrumen tersebut boleh ditukar dalam urusniaga semasa antara pihak yang sanggup. Nilai saksama asset dan liabiliti kewangan lebih kurang jumlah yang dibawa pada akhir tempoh pelaporan kewangan.

Risiko Kredit

Risiko kredit merujuk kepada kerugian kewangan kepada MIDA sekiranya pelanggan atau rakan niaga kepada instrumen kewangan telah gagal memenuhi obligasi kontraknya di tarikh imbangan adalah risiko maksimum kredit dan secara prinsipalnya adalah daripada penghutang dan tunai dan kesetaraan tunai MIDA. Amaun bawaan aset kewangan di tarikh imbangan adalah risiko maksimum kredit.

Kualiti Kredit

Kualiti kredit adalah risiko ingkar rakan niaga yang diberi kredit oleh MIDA. Oleh itu, penilaian kredit diperluaskan kepada pelanggan MIDA.

Pelanggan MIDA terdiri daripada individu dan syarikat. Penarafan kredit, dari agensi penarafan luar, tidak mudah didapati untuk semua pelanggan. Selain itu, adalah tidak berbaloi dari sudut kewangan untuk mendapatkan penarafan kredit luaran untuk semua pelanggan kerana asas pelanggan yang berbeza. Bagi maksud menentukan kualiti kredit pelanggan, MIDA menggunakan pengalaman lalu dalam menentukan risiko kredit pelanggan tersebut.

Belum Terima Daripada Urus Niaga Pertukaran

Jumlah belum terima daripada urus niaga pertukaran adalah jumlah terhutang oleh individu dan syarikat dinyatakan selepas ditolak kerugian penjejasan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

MIDA mempunyai dasar risiko kredit dan pemantauan pendedahan kepada risiko kredit dilakukan dengan kerap. Tiada sebarang perubahan ketara dalam pendedahan kepada risiko kredit dan objektif, polisi dan proses untuk menguruskan dan mengukur risiko pendedahan kredit pada tahun kewangan.

Pendedahan maksimum MIDA kepada risiko kredit diwakili oleh nilai bawa setiap aset kewangan dalam penyata kedudukan kewangan. MIDA tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara, dengan pendedahan yang tersebar di sebilangan besar individu, dan tidak tertumpu di mana-mana sektor tertentu atau kawasan geografi. MIDA menetapkan peruntukan untuk penjejasan nilai yang mewakili anggaran kerugian yang dijangkakan berkenaan dengan penghutang.

Tunai dan Kesetaraan Tunai

MIDA menghadkan pendedahannya kepada risiko kredit dengan melabur wang tunai dan kesetaraan tunai dengan institusi kewangan yang diiktiraf Kementerian Kewangan dan menurut garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Tunai. Oleh itu, MIDA menganggap tiada sebarang pendedahan yang ketara kepada risiko kredit.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko MIDA tidak dapat memenuhi obligasinya apabila tiba masanya. Pendekatan MIDA untuk menguruskan risiko kecairan adalah untuk memastikan tunai yang mencukupi boleh didapati untuk memenuhi liabiliti apabila perlu, tanpa menyebabkan kerugian yang tidak boleh diterima atau risiko kerosakan kepada reputasi MIDA.

2016 LIABILITI	DALAM TEMPOH	< 30 HARI	30 - 180 HARI	>180 HARI	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM	RM
Bayaran dari Urusniaga Pertukaran	7,485,938	20,427,859	122,792	2,848,126	30,884,715

MIDA memastikan bahawa ia mempunyai tunai yang mencukupi apabila diminta untuk memenuhi perbelanjaan operasi dijangka melalui jangkaan aliran tunai.

Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko perubahan dalam harga pasaran seperti kadar pertukaran asing dan kadar faedah, menjelaskan pendapatan MIDA atau nilai pegangan instrumen kewangannya. Objektif pengurusan risiko pasaran adalah untuk mengurus dan mengawal pendedahan risiko pasaran dalam parameter boleh diterima, di samping mengoptimumkan pulangan risiko.

Polisi bagi pengurusan setiap risiko ini adalah seperti berikut:

Risiko Mata Wang Asing

MIDA terdedah kepada risiko mata wang asing dalam operasi 23 cawangan luar negara. Pendedahan kepada MIDA yang timbul daripada risiko mata wang asing adalah minimum. MIDA memantau risiko dengan menghantar kiriman wang sekali dalam tempoh dua (2) bulan. Baki mata wang asing ditukar menggunakan kadar Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Risiko Kadar Faedah

MIDA terdedah kepada risiko kadar faedah kerana MIDA melabur dana dalam kadar faedah tetap dan terapung. Risiko ini diuruskan di peringkat MIDA menurut dasar pengurusan risikonya. Kadar faedah purata wajaran dan profil kematangan ke atas surat cara kewangan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

KADAR PURATA BERWAJARAN FAEDAH (RM)	3 BULAN ATAU KURANG (RM)
---	-----------------------------

ASET KEWANGAN

Tunai dan Kesetaraan Tunai	3.48%	170,923,000
-------------------------------	-------	-------------

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

20. Komitmen Modal

Perbelanjaan modal yang dikontrakkan pada akhir tahun kewangan tetapi belum ditanggung adalah seperti berikut:

31 DISEMBER 2016 (RM)

Hartanah, Loji dan Peralatan	838,736
Aset Tak Ketara	1,797,799
	2,636,535

21. Sewa Pajakan Operasi

a) MIDA sebagai Pemajak

Bayaran pajakan minima masa depan di bawah pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan:

31 DISEMBER 2016 (RM)

Bangunan	
Kurang Setahun	31,401,539
2 hingga 5 Tahun	31,777,502
Melebihi dari 5 Tahun	4,347,413
	67,526,454
Bayaran pajakan minimum diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun semasa	27,803,596

b) MIDA sebagai Pemberi Pajak

Pendapatan pajakan minima masa depan di bawah pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan:

31 DISEMBER 2016 (RM)

Hartanah Pelaburan:	
Kurang Setahun	388,800
Bangunan:	
Kurang Setahun	163,500

MIDA menyewa bangunan dan hartanahnya di bawah pajakan operasi. Pendapatan diperolehi daripada sewa bangunan dan hartanah ialah RM661,733. Tiada hartanah dilupuskan sejak 31 Disember 2016.

22. Cukai

MIDA telah diberikan pengecualian cukai di bawah Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan, 1967.

23. Peralihan ke MPSAS

Asas Peralihan ke MPSAS

Asas peralihan dan tarikh penggunaan MPSAS untuk MIDA adalah 1 Januari 2016.

Dalam peralihan kepada asas akruan MPSAS, MIDA telah mengambil peluang menggunakan pengecualian peralihan ini untuk pelan manfaat selepas pekerjaan. Dalam tempoh peralihan ini, MIDA tidak diperlukan untuk mengubah dasar perakaunannya berkaitan dengan pengukuran liabiliti ini. Oleh itu, MIDA tidak dapat membuat pernyataan yang eksplisit dan secara terang-terangan tentang pematuhan MPSAS Asas Akruan dalam penyediaan pernyataan kewangan peralihan MPSAS bagi tempoh pelaporan ini. MIDA bercadang untuk mengiktiraf dan/atau langkah selepas pekerjaan pelan manfaat yang ditakrifkan pada 31 Disember 2018.

Penyesuaian aset bersih pada 1 Januari 2016

ASET BERSIH PADA 1 JANUARI 2016 (RM)

Baki Awal Aset Bersih pada 1 Januari 2016 yang dilaporkan di bawah Asas Perakaunan Sebelumnya	189,204,769
<hr/>	
Pelarasian:	
• Pengiktirafan Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran: Geran	105,809,832

Baki Awal Aset Bersih dinyatakan semula pada 1 Januari 2016	295,014,601
---	--------------------

Penjelasan Peralihan kepada MPSAS

Peralihan kepada MPSAS termasuk pernyataan semula akaun tertentu dalam pernyataan kewangan MIDA untuk mencerminkan pelarasian berikut dan pengelasan semula menurut keperluan dasar perakaunan terdahulu di bawah PERS dan dasar-dasar perakaunan semasa di bawah MPSAS. Pelarasian dan pengelasan semula adalah seperti berikut:

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016 (samb.)

	DINYATAKAN SEBELUM INI DI BAWAH PERS	PELARASAN / PENGELASAN SEMULA	DINYATAKAN SEMULA DI BAWAH MPSAS
	RM	RM	RM
PADA 1 JANUARI 2016			
Hartanah, Loji dan Peralatan	154,051,146	14,356,089	168,407,235
Kerja Dalam Kemajuan	14,713,310	(14,713,310)	-
Aset Tak Ketara	-	30,411	30,411
Hartanah Pelaburan	-	326,810	326,810
Pinjaman dan Penghutang Bukan Semasa	1,725,883	6,390,433	8,116,316
Pinjaman dan Penghutang Semasa	12,652,924	(6,390,433)	6,262,491
Akaun-Akaun Khas	106,126,843	(106,126,843)	-
Pembiutan dari Urusniaga Pertukaran	26,041,594	317,011	26,358,605
Dana Pembangunan	177,895,729	(177,895,729)	-
Dana Operasi	7,959,040	(7,959,040)	-
Dana Pinjaman Kenderaan	3,000,000	(3,000,000)	-
Dana Pembiayaan Komputer	350,000	(350,000)	-
Lebihan Terkumpul	-	295,014,601	295,014,601

24. Maklumat Bajet

Bajet diluluskan pada asas tunai ubahsuai secara pengelasan. Bajet yang diluluskan meliputi tempoh fiskal daripada 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016.

Bajet asal telah diluluskan oleh secara undang-undang pada 23 Oktober 2015. Objektif dan dasar bajet asal diterangkan lebih lanjut dalam dokumen bajet

Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016. Bajet dan asas perakaunan berbeza. Penyata Kewangan bagi MIDA disediakan pada asas akruan, menggunakan klasifikasi berdasarkan kepada jenis perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Kekurangan 39% perbelanjaan pembangunan yang sebenar ke atas bajet akhir (39% ke atas bajet asal) disebabkan terutamanya oleh tuntutan belum diserahkan untuk program di bawah projek yang diluluskan sepanjang tahun. Tiada perbezaan yang ketara lain yang dilaporkan untuk perbelanjaan mengurus antara bajet yang telah diluluskan dan jumlah yang sebenar.

Jumlah dalam Penyata Kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai ubahsuai, dan diklasifikasikan berdasarkan asas yang sama seperti bajet akhir yang diluluskan.

Penyesuaian antara jumlah sebenar secara setanding seperti yang dinyatakan dalam Penyata Perbandingan Belanjawan dan Jumlah Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti di bawah penyata kewangan dan dokumen bajet disediakan bagi tempoh yang sama. Terdapat perbezaan asas yang disediakan pada bajet tunai dan ubah suai penyata kewangan asas akruan.

	OPERASI	PELABURAN	JUMLAH
	RM	RM	RM
Amaun Sebenar dalam Asas Perbandingan yang Dibentangkan Dalam Bajet dan Penyata Perbandingan Sebenar		(630,629,986)	- (630,629,986)
Perbezaan Asas:			
i) Pendapatan Luar Jangka	710,535,919	-	710,535,919
ii) Perbezaan Asas yang Lain	5,424,350	(1,277,177)	4,147,233
Jumlah Sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	85,330,283	(1,277,177)	84,053,166

MALAYSIAN
INVESTMENT
DEVELOPMENT
AUTHORITY



www.mida.gov.my

YOUR FIRST POINT OF CONTACT FOR INVESTMENTS IN MALAYSIA



OVERSEAS OFFICES

NORTH AMERICA
MIDA Boston
MIDA Chicago
MIDA Los Angeles
MIDA New York
MIDA San Jose
MIDA Houston

AFRICA
MIDA Johannesburg

EUROPE
MIDA Frankfurt
MIDA London
MIDA Milan
MIDA Paris
MIDA Stockholm
MIDA Munich

ASIA-PACIFIC
MIDA Osaka
MIDA Seoul
MIDA Shanghai
MIDA Sydney
MIDA Taipei
MIDA Tokyo
MIDA Mumbai
MIDA Dubai
MIDA Guangzhou
MIDA Singapore
MIDA Bangkok

STATE OFFICES

MIDA Alor Setar
MIDA Ipoh
MIDA Johor Bahru
MIDA Kota Bharu
MIDA Kota Kinabalu
MIDA Kuala Terengganu
MIDA Kuantan
MIDA Kuahong
MIDA Melaka
MIDA Pulau Pinang
MIDA Seremban
MIDA Shah Alam

10 LAMPIRAN

Sepanjang 2016, **MIDA** secara aktif mempromosikan agenda pelaburan negara, di dalam dan di luar negara



Program

Penyertaan MIDA di program-program tempatan dan antarabangsa pada tahun 2016.

Lampiran 1 Program-program tempatan

NO.	NAMA PROGRAM	PENGANJUR/DENGAN KERJASAMA	TEMPAT	TARIKH
1.	TPPA Outreach Program	MITI dan Agensi	Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu, Terengganu	7 Januari
2.	Export Day 2016: Go the Extra Mile	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	MATRADE	19 Januari
3.	Medical Devices Seminar	Northern Corridors Implementation Agency (NCIA)	NCIA, Bukit Minyak, Pulau Pinang	21 Januari
4.	International Halal Expo & Conference	PIHH Development Sdn Bhd	SPICE, Pulau Pinang	29 – 31 Januari
5.	Program Seminar Rantaian Bekalan Industri Makanan Kelantan	MIDA	Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan	31 Januari
6.	Forum on Halal Cosmetics & Personal Care Products	Halal Industry Development Corporation (HDC)	KLCC	16 Februari
7.	An Industrial City at the Heart of Iskandar Region and Business Opportunities with MMC Corporation Seminar 2016	Senai Airport City	Senai Business Aviation Terminal, Senai Int. Airport, Johor	18 Februari
8.	Program Karnival Usahawan Online Selising Pasir Puteh, Kelantan	MITI Kelantan & MDEC	Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jawa, Pasir Puteh, Kelantan	20 Februari
9.	Program Outreach Keusahawanan MITI & Agensi Zon Selatan	MITI dan Agensi	Dataran Dato' Jalok Benut, Pontian, Johor	26 – 27 Februari
10.	Halal Bumiputera : Forum Penglibatan Bumiputera dalam Industri Halal	Halal Industry Development Corporation (HDC)	MITI	29 Februari
11.	SL1M Job Fair	SL1M, Jabatan Perdana Menteri dan ECERDC	University Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu	5 – 6 Mac
12.	Export Furniture Exhibition (EFE) 2016	Malaysian Furniture Council (MFC)	KLCC	5 – 8 Mac
13.	SME Bank Xcess 2016	SME Bank	MATRADE	8 Mac
14.	Program 'Mesra Pelabur' Majlis Perbandaran Muar	-	Dewan Jubli Intan, Muar, Johor	9 Mac
15.	Competitiveness Champions Programme	MPC Terengganu	Terengganu Equestrian and Recreational, Kuala Terengganu	9 Mac
16.	Finnish Business Partnership Programme	MIDA & FinnFund	Eco-Biz Park, Johor Bahru, Johor	15 Mac
17.	Seminar Finn Business Partnership	MIDA Perak dan Invest Perak	Casuarina @ Meru Hotel, Ipoh, Perak	17 Mac
18.	Jemputan Penceramah MPC	MPC	MPC Johor	22 Mac

Program (samb.)

Penyertaan MIDA di program-program tempatan dan antarabangsa pada tahun 2016.

Lampiran 1 Program-program tempatan (samb.)

NO.	NAMA PROGRAM	PENGANJUR/DENGAN KERJASAMA	TEMPAT	TARIKH
19.	Business Clinic and Advisory Session on MyHijau SME & Entrepreneur Development Programme	MyHijau	Bilik Tanjung Puteri 306, Persada Johor, Johor	22 Mac
20.	Offshore Technology Conference Asia (OTC) 2016	OTC Asia	KLCC	22 – 25 Mac
21.	World Halal Conference (WHC) 2016	Halal Industry Development Corporation (HDC)	KLCC	30 – 31 Mac
22.	SME Bank Engagement 2016	SME Bank	Marina Club, Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, Sabah	31 Mac
23.	AEC Open Day 2016	MITI	MITI	11 April
24.	19 th Southeast-Asian Healthcare & Pharma Show 2016	ABC Exhibitions Malaysia	KLCC	11 – 13 April
25.	Oil and Gas Innovation Forum (OGIF) 2016	Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC)	MATRADE	12 April
26.	Ecobuild SEA 2016	CIDB	KLCC	12 – 14 April
27.	Program Unit Dana Usahawan Bumiputera	Pergerakan Pemuda UMNO dan MITI	Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak	17 April
28.	Seminar HR Summit : Resource Skills & Competencies 2016	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	Sunway Hotel, Pulau Pinang	19 April
29.	Malaysia Commercialisation Year : Open Day Facilitation Program	Kementerian Sains, Teknologi Dan Sains (MOSTI)	MaGIC	20 April
30.	Senai Airport City- An Industrial City at the Heart of Iskandar Region and Business Opportunities with MMC Corporation Berhad	Senai Airport City	Senai Business Aviation Terminal & Le Grandeur	22 April
31.	Simposium Usahawan Sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2016	Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dengan kerjasama MIDF	Dewan Merdeka, Tapah, Perak	23 April
32.	Program Linxia International Halal Expo 2016	Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN)	Stadium Sultan Muhammad Ke V, Kota Bharu, Kelantan	26 – 30 April
33.	Seminar HR Summit	Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan kerjasama MIDA	Promenade Hotel, Kota Kinabalu, Sabah	4 Mei
34.	GLC ExplorAce 2016	MITI, Sime Darby dan MIDF	Sime Darby Convention Centre	5 Mei
35.	SMIDEX Showcase 2016	SME Corp	KLCC, Kuala Lumpur	17 – 19 Mei

Program (samb.)

Penyertaan MIDA di program-program tempatan dan antarabangsa pada tahun 2016.

Lampiran 1 Program-program tempatan (samb.)

NO.	NAMA PROGRAM	PENGANJUR/DENGAN KERJASAMA	TEMPAT	TARIKH
36.	Seminar on Medical Devices: Competing in Regulated Industry – Complying with Global Regulatory Requirement & Consultation Session	MATRADE	MATRADE, Kuala Lumpur	17 Mei
